

Jilid IV
Bil. 19



Hari Jumaat
4hb April, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2861]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) [Ruangan 2933]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985):

Jawatankuasa:

Maksud B. 61 [Ruangan 2911]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1985:

Jawatankuasa:

Maksud P. 57 [Ruangan 2897]

Maksud P. 61 [Ruangan 2911]

Maksud P. 62 [Ruangan 2923]

Maksud P. 63 [Ruangan 2925]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- .. Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- .. Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Menteri Buruh, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K, J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- .. DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- .. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- .. TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- .. DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- .. TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- .. DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- .. DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- .. TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- .. DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- .. DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- .. DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- .. TUAN LING SIE MING (Sibu).
- .. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.
(Pulai).
- .. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.
(Matang).
- .. DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN,
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.
(Panti).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.
(Kuala Krai).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- .. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 4hb April, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Timbalan Yang di-Pertuan: Yang
Berhormat Tuan Ibrahim Azmi
Hassan.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Ibrahim
Azmi Hassan tidak hadir).*

**PASARAN SAHAM—KEGIATAN
MANIPULASI**

2. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri
Kewangan menyatakan apakah
langkah-langkah yang telah diambil
untuk membersihkan manipulasi dan
amalan-amalan curang dalam pasaran
saham yang telah menyebabkan
kerugian besar kepada pelabur-
pelabur kecil.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato
Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-
Pertua, untuk makluman Ahli Yang
Berhormat, kerugian yang dialami
oleh para pelabur sama ada pelabur
kecil ataupun pelabur besar bukanlah
berpunca dari kegiatan manipulasi dan
amalan-amalan curang yang
keterlaluan. Sebaliknya kerugian
tersebut adalah disebabkan oleh
kejatuhan harga-harga saham
berikutan dengan penggantungan
Pasaran Saham Kuala Lumpur selama
3 hari akibat krisis Pan-El dan juga

faktor-faktor lain yang tidak
mengalakkan, seperti keadaan
ekonomi negara yang kurang
memuaskan, khabar-khabar angin dan
suasana politik semasa.

Untuk makluman Ahli Yang
Berhormat seterusnya, bagi
menentukan supaya Pasaran Saham
Kuala Lumpur bergiat dengan aktif
dan dinamik, sedikit elemen spekulasi
pada paras yang minima perlu wujud.
Namun demikian, Kerajaan akan
terus mengawasi dengan rapi
peraturan dan perjalanan Pasaran
Saham Kuala Lumpur bagi tujuan
mencegah penyelewengan dan
amalan-amalan tidak sihat.
Pengawasan ini akan dilakukan
melalui peruntukan-peruntukan yang
terdapat dalam Akta Perindustrian
Sekuriti 1983 dan Peraturan-peraturan
Pasaran Saham Kuala Lumpur sendiri.

Pegawai-pegawai dari Pejabat
Pendaftar Syarikat, selaku Pendaftar
di bawah Akta Perindustrian Sekuriti
1983, sentiasa mengawasi kegiatan
broker-broker saham dengan
menjalankan pemeriksaan ke atas
rekod-rekod mereka dari masa ke
semasa bagi tujuan mencegah
penyelewengan dan amalan-amalan
yang tidak sihat.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua,
bagi mencegah spekulasi dan
penyelewengan di pasaran saham,
Pasaran Saham Kuala Lumpur telah
juga menguatkuasa peraturan-
peraturan di mana sijil bagi transaksi-
transaksinya yang dibuat mestilah
diselaraskan dalam tempoh tidak
melebihi satu minggu.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah krisis Pan-El yang menyebabkan penggantungan 3 hari KLSE menunjukkan betapa tidak sihat pasaran saham dan sungguhpun Pan-El adalah sebuah syarikat di Singapura, oleh kerana bersangkut paut dengan syarikat-syarikat di sini khususnya syarikat-syarikat Grand Ocean, Supreme, Ever Peace, di mana semua digantung pun sampai hari sekarang, adakah pihak berkuasa bercadang untuk mengadakan satu siasatan yang mendalam kepada krisis atau skandal Pan-El supaya apa yang berlaku dalam Pan-El ini tidak akan berulang di masa depan? Dan pada saat ini bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini beberapa, dengan izin, broker-broker atau firma-firma broker yang menghadapi kesulitan dan masalah oleh kerana sebuah broker telah digantung, Razak Ramli, kalau tidak silap, dan daripada maklumat Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berapa lagi firma-firma broker menghadapi masalah-masalah sehingga boleh digantung?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi, Pan-El ini adalah syarikat Singapura dan oleh sebab itu tidak ada kait-mengait dengan kita sama ada dibuat siasatan ataupun tidak. Soalan syarikat-syarikat lain yang terbabit ini adalah sebab Pan-El itu sendiri. Kalau sekiranya Pan-El tidak terlibat, barangkali syarikat-syarikat yang lain di Kuala Lumpur juga tidak terlibat sama; maka ini hanya sebagai chain reaction sahaja, dengan izin. Maka saya rasa kalau tidak berlakunya krisis Pan-El itu mungkin tidak melibatkan syarikat-syarikat yang lain di Kuala Lumpur.

Berkenaan dengan syarikat-syarikat broker yang mengalami kesukaran, mereka tidak memberi pengetahuan kepada kita kerana syarikat-syarikat

berkenaan adalah sebagai commercial venture. Kita hanya dapat mengambil tindakan-tindakan sekiranya terdapat mereka ini menyalahi undang-undang. Tetapi kalau mengalami kesukaran di atas sebab-sebab lain, kita tidak mengambil sebarang tindakan.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu, apakah langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan bahawa "Tan Koon Swan Affair" di Singapura tidak berlaku di Kuala Lumpur dan adakah kejadian seperti itu berlaku di Pasaran Saham Kuala Lumpur?

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat mengulangi soalan itu supaya lebih jelas lagi?

Tuan Chan Kok Kit: Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan bahawa "Tan Koon Swan Affair" di Singapura tidak berlaku di Kuala Lumpur dan adakah kejadian seperti itu berlaku di Pasaran Saham Kuala Lumpur?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, pihak Pejabat Pendaftar Syarikat sentiasa mengawasi bahawa peraturan-peraturan yang termaktub di dalam Akta Perindustrian Sekuriti dan juga peraturan-peraturan Pasaran Saham Kuala Lumpur itu dipatuhi. Inilah caranya supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini sama ada "Tan Koon Swan Affair" ataupun "Chan Kok Kit Affair" (*Ketawa*). Itu tidak kiralah. Jadi, soalan yang pentingnya ialah kita memastikan supaya peraturan-peraturan ini diikuti dengan tujuan supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Sama ada saya dapat menjamin ataupun tidak mengenai soalan kedua—berlakunya ataupun tidak—tida siapa yang boleh memberi jaminan, hanya Allah s.w.t. sahajalah barangkali yang berupaya.

GRADUAN YANG MENGANGGUR

3. Tuan Baharom bin Haji Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) kadar pengangguran di kalangan lepasan pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini jika dibandingkan dengan lain-lain negara sedang membangun di rantau ini; dan
- (b) adakah Kementerian ini bercadang untuk mengurangkan kadar pengambilan para pelajar ke pusat-pusat pengajian tinggi sama ada di dalam dan luar negeri.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, perkara pengangguran yang ditimbulkan dalam soalan (a) sebenarnya telah pun di jawab dengan panjang lebar oleh rakan saya, Yang Berhormat Menteri Buruh pada 11hb Mac, 1986. Saya tidak bercadang hendak membuat apa-apa tambahan hanya dengan memberi satu angka sahaja iaitu bilangan siswazah yang menganggur pada masa sekarang ialah 1,297.

Berhubung dengan soalan (b), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan pengambilan pelajar-pelajar untuk pusat-pusat pengajian tinggi tempatan ataupun luar negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada bidang-bidang kursus yang masih memerlukan para lulusan universiti di samping mengambil kira juga cadangan-cadangan "Industrial Master Plan".

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Pelajaran, kebanyakan pelajar pengajian tinggi di dalam negeri dan juga pelajar pengajian tinggi di luar negeri yang dianjurkan

oleh Kerajaan mungkin pihak Kerajaan dapat mengawal atau merancang untuk kepentingan negara. Tetapi bagaimanakah pihak Kementerian mengawal pelajar-pelajar yang menuntut keluar negeri dengan secara persendirian dan juga pelajar-pelajar kita yang belajar melalui pos ataupun "off campus" melalui negeri dan dapat menentukan bahawa mereka ini dapat dirancang oleh pihak Kementerian supaya ianya tidak melebihi daripada sepatutnya?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya penentuan angka atau bilangan pelajar-pelajar yang hendak dihantar keluar negeri ataupun dalam negeri terutama yang ditaja oleh Kerajaan adalah berasaskan kepada keperluan-keperluan perkhidmatan Kerajaan.

Berkait dengan bilangan yang kita anggap boleh diterima oleh universiti, ertinya perancangan pembesaran universiti untuk menerima sekian banyak pelajar-pelajar, adalah bergantung kepada perancangan keseluruhan tenaga manusia yang dilaksanakan oleh E.P.U. Jadi, aspek yang kedua ini tentu sekali meliputi bilangan pelajar-pelajar bukan tajaan Kerajaan juga.

Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran iaitu adakah pihak Kementerian Pelajaran menyediakan senarai penganggur-penganggur di kalangan graduan-graduan kita yang telah lama ataupun baru tamat daripada pusat-pusat pengajian tinggi, iaitu dengan menyediakan kemungkinan-kemungkinan pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan yang ada pada mereka itu. Kalaulah ada tindakan yang sedemikian, sejauh manakah ia telah dapat mengatasi masalah pengangguran di kalangan

mereka itu ataupun adakah Kementerian menyerahkan masalah tersebut kepada bekas-bekas pelajar untuk mencari sendiri pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan mereka?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, ada juga usaha daripada pihak Kerajaan, ertinya Kementerian Pelajaran dan juga JPA, untuk membantu pelajar-pelajar kita terutama yang ditaja oleh Kerajaan untuk mendapat pekerjaan iaitu bagi mereka yang tidak dapat telah ditawarkan perkhidmatan jawatan-jawatan Kerajaan itu. Jadi, bilangan pelajar-pelajar yang menganggur itu ataupun yang tidak ditawarkan sebarang jawatan Kerajaan itu, ditawarkan pula, kita pula menawarkan kepada agensi-agensinya yang lain dan termasuk juga swasta kalau-kalau ada antara prospective majikan itu, dengan izin, yang memerlukan mereka untuk menjawab apa-apa jawatan yang sesuai. Selain daripada itu, tidaklah ada usaha-usaha yang lain tetapi memanglah kita mengharapkan bahawasanya pelajar-pelajar itu sendirilah yang patut berusaha untuk mendapatkan pekerjaan bagi mereka.

PERPADUAN NASIONAL

4. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh manakah perpaduan nasional telah dapat diwujudkan kepada rakyat berbilang kaum di dalam negara ini;
- (b) adakah Kerajaan telah dapat mengenali faktor-faktor utama yang membantu ke arah memperbaiki perpaduan nasional; dan
- (c) adakah Kerajaan sedar begitu banyak pihak yang cuba merosakkan cita-cita Kerajaan

yang murni ini. Jika sedar, bolehkah Kerajaan menerangkan pihak-pihak yang berkenaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya, kita telah mencapai satu tahap perpaduan yang membanggakan di kalangan rakyat dan mereka hidup dalam aman damai. Kebanyakan rakyat menerima dan memahami dasar-dasar Kerajaan dan menghormati undang-undang serta telah wujud kerjasama di antara pelbagai kaum dalam bidang-bidang politik, ekonomi dan sosial. Meskipun begitu, dari semasa ke semasa wujud pihak-pihak tertentu yang cemburu dan sengaja menghalang perpaduan di kalangan rakyat negara ini dan hal ini boleh melambatkan kewujudan perpaduan nasional dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, di antara faktor-faktor yang dikenalpasti yang membantu memperbaiki perpaduan nasional ialah:

- (i) sikap dan kesedaran yang positif di kalangan rakyat dan keazaman mereka untuk mewujudkan perpaduan. Sikap yang sedemikian akan membentuk semangat kebangsaan dan rasa kekitaan yang mana kemudiannya akan mendorong kepada hidup secara aman, bermufakat dan bersefahaman dalam menghadapi apa jua masalah;
- (ii) melaksanakan dasar-dasar dan program pembangunan yang boleh mengurangkan perbezaan-perbezaan dalam taraf sosio-ekonomi antara kaum serta memupuk dan menonjolkan unsur-unsur persamaan dari pelbagai bentuk sosio-budaya yang sedia wujud.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang adanya golongan-golongan atau pihak-pihak tertentu yang cuba menggagalkan usaha-usaha ke arah perpaduan. Mereka itu merupakan pelampau-pelampau politik, kaum dan agama serta orang-orang yang kecewa dalam hidup mereka yang lebih mementingkan kepentingan kumpulan mereka dan diri sendiri. Mereka tidak memikirkan kepentingan dan perpaduan negara serta keselamatan rakyat. Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa memerhati pergerakan mereka dan Kerajaan tidak ragu-ragu untuk bertindak ke atas mereka itu.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu daripada faktor yang sudah lama dikenalpasti untuk mengukuhkan perpaduan nasional ini adalah melalui penggunaan satu bahasa. Adakah pihak Kerajaan sedar bahawa ada golongan-golongan yang tertentu yang cuba menghalangkan konsep yang telah dikenalpasti benar-benar oleh Kerajaan ini dan apakah tindakan Kerajaan terhadap pandangan yang berlainan ini?

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya sebutkan tadi, secara umumnya majoriti rakyat dan kumpulan-kumpulan tertentu telah menerima dasar-dasar Kerajaan dan juga telah menerima, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, provisions di dalam Perlembagaan negara kita di mana hak penggunaan dan mempelajari Bahasa Ibunda atau (P.O.L.) telah diperuntukkan dengan jelasna.

Walau bagaimanapun, seperti saya sebutkan tadi terdapat kumpulan-kumpulan yang mementingkan kepentingan politik mereka sendiri dan juga ada ekstremis yang ada di dalam masyarakat ini yang tidak

sanggup mengikut keputusan majoriti dalam rakyat negara kita ini dan sudah ada cukup proviso di dalam undang-undang negara kita ini untuk mengawal aktiviti-aktiviti itu dan ini termasuklah masalah Bahasa Kebangsaan dan juga bahasa-bahasa ibunda atau, dengan izin, mother tongue kaum-kaum lain yang juga ada proviso di dalam Perlembagaan untuk mereka boleh menggunakan bahasa-bahasa ibunda atau mother tongue mereka itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai Lembaga Perpaduan Negara yang dipertanggungjawabkan untuk memupuk perpaduan negara. Di sini suka saya bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa komposisi Lembaga yang wujud sekarang tidak dapat mewakili kepentingan semua lapisan masyarakat dan adakah pihak yang berkenaan bercadang untuk mengkaji semula komposisi Lembaga ini dengan tujuan untuk menambah ahli-ahlinya yang benar-benar dapat menyumbangkan buah fikiran, cadangan dan sebagainya bagi tujuan untuk memupuk perpaduan di negara kita?

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat memupuk sikap perpaduan di kalangan rakyat kita ini, bukan hanya di peringkat Lembaga Perpaduan tetapi juga termasuklah dalam forum-forum yang lain seperti dalam Dewan yang mulia ini juga Ahli-ahli Parlimen boleh mengambil bahagian memberikan buah fikiran sesuai yang boleh kita gunakan dan juga kita harap bukan hanya memberikan buah fikiran sahaja, tetapi juga mempraktikkan pandangan-pandangan yang diberi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Omar bin Abdullah.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Omar bin Abdullah tidak hadir).

OPEC—KEDUDUKAN DAN PERANAN MALAYSIA

7. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah Malaysia sebagai sebuah negara yang mengeluarkan minyak masih lagi belum menjadi ahli sepenuh Pertubuhan Negara-negara Pengeluar Minyak (OPEC) dan taraf Malaysia di Persidangan OPEC ialah di peringkat pemerhati sahaja. Adakah Malaysia perlu menjadi ahli OPEC dan apakah kriteria untuk menjadi ahli OPEC dan apakah faedah yang boleh didapati sebagai ahli OPEC.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, adalah difikirkan tidak perlu bagi negara kita menjadi ahli sepenuh Pertubuhan Negara-negara Pengeluar Minyak (OPEC). Sebagai sebuah negara pengeluar minyak yang kecil, kita berpuas hati dengan peranan kita sekarang iaitu sebagai pemerhati sahaja di Persidangan OPEC dan tidak menjadi ahli sepenuhnya. Sekiranya Malaysia menjadi ahli OPEC, kita akan terpaksa patuh kepada semua keputusannya termasuk kawalan pengeluaran. Walhal, sebagai pemerhati, Malaysia bebas menyokong mana-mana polisi yang akan memberi faedah kepada negara kita.

Di samping itu kesemua negara anggota OPEC bergantung kepada minyak untuk mendapatkan lebih 60% daripada pendapatan pertukaran wang asing, manakala Malaysia hanya memperolehi 23% sahaja dari pendapatan wang asing dari hasil minyak. Oleh yang demikian, nyatalah kepentingan negara kita adalah tidak serupa dengan kepentingan negara-negara anggota OPEC.

Sebagai pemerhati, Malaysia boleh menghadiri Persidangan-persidangan OPEC untuk mengetahui apa yang dilakukan oleh negara-negara pengeluar terbesar di dunia dan memahami tindakan-tindakan mereka dengan lebih mendalam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk menjadi ahli OPEC, sesebuah negara itu mestilah:

- (i) merupakan negara pengeksport bersih atau, dengan izin, net exporter minyak yang besar.
- (ii) kepentingan petroleumnya pada dasarnya adalah selari dengan kepentingan petroleum negara-negara anggota OPEC.

Selain dari itu, permohonan sesebuah negara untuk menjadi ahli mestilah mendapat sokongan tiga perempat dari anggota-anggota penuh OPEC dan mendapat persetujuan sebulat suara dari negara-negara anggota pengasas OPEC.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, negara kita bukan sebagai negara anggota OPEC, hanya sebagai pemerhati sahaja, dengan lain-lain perkataan kita boleh membuat apa sahaja yang kita suka mengenai dengan soal petroleum. Soalan saya ialah adakah pernah negara kita menjual minyak petrolnya tinggi

daripada paras yang dijual oleh negara OPEC dan adakah pernah kita membuat under cutting, dengan izin, minyak-minyak kita semasa kita menjual kepada negara-negara pengguna di negara-negara yang tertentu.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian pertama soalan itu, sebagai sebuah negara yang mempunyai dan oleh kerana itu mampu mengeluarkan minyak petroleum kita, begitu juga dengan gas L.N.G. kita terutama sekali dari Bintulu memanglah kita mencari pasaran yang memberi pulangan pendapatan yang setinggi-tingginya.

Sebenarnya kita telah dapat menikmati dan mencapai kedudukan yang baik dari segi pendapatan petroleum, harga petroleum dan gas kita. Selama ini sehingga bulan November, Disember tahun lalu harga minyak kita masih lagi baik iaitu dilingkungan US\$26, US\$27, US\$28 tiap-tiap satu tong minyak mentah kita, dan kita buat itu bukanlah seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat untuk 'under cutting' terhadap harga yang ditetapkan oleh OPEC, tetapi semata-mata untuk mendapat hasil yang seberapa baiknya daripada perusahaan minyak yang mana adalah merupakan satu perusahaan terutama sekali dari segi pendapatan kepada negara kita.

Seperti saya katakan tadi 23% daripada tukaran asing kita yang kita dapati adalah hasil daripada petroleum. Jadi, untuk menjawab bahagian kedua itu, kita tidak pernah dan kita tidak mempunyai tujuan untuk "under cutting" ataupun menyaingi bench-mark OPEC, iaitu harga yang ditetapkan oleh OPEC selama ini. Sebaliknya kita telah bekerjasama dengan OPEC seberapa yang boleh dan juga bersama-sama dengan 13 buah negara di dalam

OPEC untuk mempertahankan harga minyak supaya ianya tidak turun sehingga teruk seperti yang terdapat sekarang ini. Oleh sebab usaha kita untuk bekerjasama dengan OPEC itulah, maka seperti Ahli Yang Berhormat mungkin masih ingat pada tahun 1985 yang lalu, kita telah sanggup mengurangkan pengeluaran minyak kita sebanyak 40,000 tong sehari untuk menunjukkan keikhlasan kita untuk bekerjasama dengan OPEC.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengatakan apa sebab market price petroleum kita hari ini atau semalam berbeza apabila dibandingkan dengan harga-harga OPEC?

Kedua, adakah Malaysia pernah dijemput oleh OPEC untuk menjadi anggota OPEC?

Ketiga, tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut bahawa tahun lalu kita ada turunkan pengeluaran petroleum untuk menunjukkan keikhlasan kita, oleh kerana baru-baru ini di Sidang OPEC di Geneva di mana kita ada menghadiri sebagai pemerhati, kita ada diminta untuk menurunkan pengeluaran dan kita menolak permintaan ini. Adakah ini menunjukkan kita sekarang tidak ada keikhlasan dan akhirnya, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan, kalau ini sikap kita di mana kita tidak mahu bekerjasama dengan OPEC supaya menjaga bukan sahaja pengeluaran dan harga antarabangsa, bagaimana kita boleh salahkan negara-negara semacam Indonesia atau Thailand, apabila mereka tidak bersetuju untuk mengawal pengeluaran getah, kelapa sawit dan lain-lain, dan akhirnya kita semua menghadapi keadaan yang begitu buruk.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan yang terakhir berasaskan andaian, jadi

Yang Berhormat tidak perlu menjawab.

Datuk Dr James P. Ongkili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan andaian, itu, kenyataan, tidak ada andaian. Soalnya, sekiranya, tetapi bukan andaian, itu kebenaran.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya serahkanlah kepada Yang Berhormat bahawa keputusan saya muktamad.

Datuk Dr James P. Ongkili: Masih andaian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama mengenai harga minyak mentah kita pada ketika ini. Pada ketika ini kita sedang menjual minyak mentah kita di antara US\$15 dan US\$13 setong dan ini memang membawa kesedihan, kerana di antara 28 Tapis Blend dan 26 Bintulu Blend pada tahun yang lalu, dia telah menurun hampir lebih daripada separuh sehingga kepada iaitu antara US\$15 untuk Tapis Blend dan US\$13 untuk Bintulu Blend pada ketika ini, tetapi ini tidak dapat dielakkan kerana kalau tidak, kita tidak dapat menjual minyak mentah kita pada ketika ini.

Kedua, kita tidak pernah dijemput oleh OPEC untuk menjadi ahli penuh Pertubuhan Pengeluar-pengeluar Minyak di dunia itu. Walau bagaimanapun, kita telah dijemput sebagai pemerhati untuk menghadiri mesyuarat tertinggi iaitu mesyuarat ataupun Persidangan Menteri-menteri Minyak OPEC di peringkat tertinggi semenjak Disember, 1984. Dan setakat ini kita telah menghadiri

empat Persidangan Menteri-menteri Minyak OPEC sebagai pemerhati di Geneva.

Untuk menjawab soalan yang ketiga, semasa mesyuarat Menteri-menteri Minyak OPEC di Geneva pada bulan yang lalu, iaitu bulan Mac tahun ini memang benar bahawa kita sebagai pemerhati telah diminta bukan sahaja mengurangkan pengeluaran minyak kita, akan tetapi tidak kurang pentingnya juga, kita telah diminta untuk bekerjasama cuba bersama-sama dengan empat buah negara pengeluar minyak yang bukan ahli OPEC yang lain, supaya serentak dengan mereka itu mengurangkan pengeluaran minyak kita. Dan OPEC telah meminta supaya lima pengeluar minyak itu yang telah hadir sebagai pemerhati termasuk kita sendiri dan Mexico serta ada tiga lagi, minta maaf pada ketika ini saya tidak ada lisnya di sini, untuk mengurangkan 20% daripada pengeluaran kita tiap-tiap hari. Ini saya telah ulaskan apabila saya ditanya oleh akhbar bahawa kita tidak mudah, malah kita tidak mampu untuk mengurangkan pengeluaran yang telah ditetapkan untuk tahun ini iaitu sebanyak 510,000 tong sehari bagi tahun 1986, terutama sekali kerana pengeluaran minyak kita itu telah pun dikaitkan dan telah diselaraskan dengan projek-projek dan rancangan-rancangan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan untuk dilaksanakan pada tahun 1986 ini.

Seperti saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, soalan yang keempat itu, saya rasa saya tidak ada jawapan apa-apa.

EKSPORT TERNAKAN HIDUP

8. Tuan Haji Seroji bin Haron minta Menteri Pertanian menyatakan negara mana yang dibenar mengeksport ternakan hidup (Livestock) ke Malaysia serta sebutkan harga dan

nilai jumlah yang dieksport bagi tahun 1984 dan 1985; dan mengapa India tidak dibenar mengeksport ternakan hidup ke negara kita walhal daging dibenar, manakala India mengeksport Livestock dan Daging ke Negara-negara Timur Tengah.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, import ternakan hidup dibenarkan dari negara-negara yang mempunyai kawalan penyakit ternakan yang ketat dan berkesan atau bebas daripada penyakit-penyakit merbahaya seperti Rabies, Kuku dan Mulut, Rinderpest dan sebagainya.

India mempunyai empat jenis penyakit kuku dan mulut dan jenis penyakit Rinderpest iaitu penyakit-penyakit yang paling merbahaya kepada ternakan lembu, kerbau dan lain-lain. Penyakit-penyakit ini adalah, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, endemic di India.

Daging beku tanpa tulang dan biji kelenjar dibenarkan pengimportannya dari India kerana ia tidak membawa bahaya penyakit seperti ternakan hidup kepada ternakan negara kita.

Selain daripada itu daging dari India diuji di Makmal Kesihatan Awam Veterinar di Petaling Jaya.

Negara-negara yang telah mengeksport ternakan hidup ke Malaysia adalah Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, United Kingdom, Netherlands, Thailand (Selatan), Singapura, Indonesia, Canada, France, Belgium dan Sweden.

Tentang jumlah ternakan hidup yang dibenarkan import, saya minta izin menjawab secara bertulis kerana butir-butirnya panjang sangat.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Khadri bin Sabran: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian untuk menjelaskan jenis-jenis haiwan ataupun ternakan hidup yang diimport ke dalam negara kita ini. Kalau lembu itu, adakah ianya Lembu Susu dan Lembu Daging sahaja ataupun biri-biri ataupun ada ternakan-ternakan lain yang diimport dibawa masuk ke dalam negara kita.

Yang keduanya, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berdasarkan kepada keperluan daging yang bertambah di negara kita ini di samping mutu daging yang diimport agak lebih rendah terutamanya daging import daripada India. Apakah bentuk-bentuk galakan daripada Kerajaan khusus Kementerian Pertanian kepada orang ramai bagi memelihara lembu-lembu yang diimport secara ternakan feedlot. Feedlot ini, saya dengar ceritanya satu sistem ternakan yang baru dan apakah galakan-galakan daripada Kementerian kepada mereka yang menternak lembu feedlot ini dan apakah harapan-harapan ternakan lembu feedlot ini pada masa yang akan datang sama ada ianya boleh memberikan tambahan pendapatan yang lumayan kepada penternak-penternak dalam negara kita.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, jenis ternakan yang dibenar mengimport adalah lembu iaitu Lembu Susu dan Lembu Daging, Kerbau, Kambing, Biri-biri dan Khinzir.

Berkenaan dengan soalan tentang tambahan pengeluaran oleh feedlot-feedlot di tanahair kita saya ingin menjelaskan bahawa keadaan pengeluaran ini adalah di dalam perhatian Kementerian dan kuota untuk mengimport daging dari India sekarang dikaji dengan teliti dan langkah-langkah yang sesuai diambil

secara berperingkat-peringkat untuk mengurangkan pengimportan dari India.

Berkenaan dengan soalan sama ada ternakan lembu dalam kandang atau dalam feedlot boleh membawa pendapatan yang munasabah, ini terserah kepada keadaan pemasaran dan sekiranya pengeluaran atau bekalan tidak melebihi demand dan harga masih baik, jadi penternak-penternak masih boleh untung.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan masalah daging ini, Tuan Yang di-Pertua, daging daripada India yang diimport dengan daging-daging lain daripada New Zealand dan juga Australia ini yang mana harganya lebih mahal ataupun adakah harganya sama dan dari segi rasa dagingnya itu yang mana lebih baik, adakah daging Australia atau daging India? (*Ketawa*).

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, daging dari India memang lebih murah tetapi kualitinya jikalau dibandingkan dengan kualiti daging dari Australia dan New Zealand memang berkurangan. Tetapi dari segi rasanya, bagi saya paling sedap ialah daging dari lembu yang ditenak di tanahair kita (*Ketawa*).

TANAMAN KOKO— SAMBUTAN

9. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan tanaman koko telah mendapat sambutan yang hangat oleh pekebun-pekebun kecil, adakah Kerajaan akan menubuhkan sebuah Lembaga penyelidikan khusus untuk koko.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa tanaman koko telah mendapat sambutan yang baik bukan sahaja dari pekebun-pekebun kecil malah juga dari sektor estet.

Menyedari hakikat ini Jemaah Menteri pada 10hb Julai, 1985 telah bersetuju untuk menubuhkan Lembaga Koko Malaysia yang akan memberi satu pendekatan yang bersepadu dan bersama di dalam usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan, pemprosesan dan galakan pasaran. Tindakan sedang diambil untuk menyediakan draf perundangan dan struktur organisasi bagi penubuhan Lembaga Koko Malaysia.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Timbalan Menteri ada memberitahu bahawa Kerajaan menyedari bahawa koko adalah sangat memberi faedah kepada pekebun-pekebun kecil kelapa dan koko. MARDI adalah agensi Kerajaan yang telah dapat mengwujudkan klon-klon koko yang sangat baik tetapi sayangnya sehingga masa ini klon-klon koko MARDI itu belum dapat disebarkan kepada seluruh pekebun-pekebun kecil terutama kawasan saya Bagan Datok. Apakah langkah Kementerian sebelum perundangan Lembaga Koko Malaysia ini berjalan perkara itu dapat dilaksanakan.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kita memang menyedari hakikat ini. Kalau kita lihat pengeluaran satu hektar di estet ialah di antara 1,000 kg kepada 1,350 kg. Dalam kawasan pekebun kecil di antara 400 kg ke 600 kg. Menyedari hakikat inilah maka Lembaga ini harus diwujudkan agar penyelidikan yang rapi dapat dibuat dan klon-klon yang akan kita keluarkan itu bukan sahaja

dapat ditanam di estet-estet tetapi juga dapat dirasai oleh pekebun-pekebun kecil.

Timbalan Yang di-Pertua: "Kg." itu kilogram.

Yang Berhormat Tuan Bahari bin Harun.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Bahari bin Harun tidak hadir).

SKIM SUBSIDI BAJA PADI

11. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah munafaat atau faedah yang dinikmati oleh petani-petani hasil daripada bantuan Kerajaan di bawah skim subsidi baja padi dalam masa kebelakangan ini. Daripada peruntukan yang diberikan di bawah skim itu berapa peratuskah lagi petani-petani yang masih belum mendapat faedah, dan apakah sebab-sebab berlaku demikian. Adakah Kerajaan bercadang akan mengadakan peraturan supaya bantuan subsidi itu lebih cepat dan tepat dengan keperluan sebenar.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, skim subsidi baja padi telah dikendalikan oleh Kementerian Pertanian semenjak bulan Julai, 1979. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat sebanyak hampir \$578 juta telah diperuntukkan dan purata seramai 314,569 petani dengan keluasan sawah 401,259 hektar setahun telah menikmati faedah di bawah skim ini.

Bagi tahun 1986, sejumlah \$100 dan \$1.1 juta telah diperuntukkan di bawah skim tersebut. Skim subsidi baja padi telah memberi faedah kepada lebih daripada 95 petani-petani yang layak dan berdaftar di bawah skim ini tiap-tiap musim. Bagi

petani-petani yang tidak menikmati faedah skim ini terdiri daripada petani-petani yang tidak dapat mengesahkan hakmilik ke atas tanah atau bukti mereka mengerjakan sawah yang dijadikan asas pemberian subsidi ini. Di samping itu terdapat juga petani-petani yang telah mendaftar lebih daripada sekali bagi sesuatu musim.

Dari segi jumlah kawasan, hampir peratus yang sama iaitu lebih daripada 95% daripada keseluruhan kawasan padi yang berdaftar menikmati faedah skim ini. Mereka yang tercicir terdiri daripada petani-petani yang mengusahakan sawah lebih daripada 6 ekar iaitu melebihi paras kelayakan kawasan yang telah ditetapkan.

Skim subsidi baja padi memberi faedah secara langsung kepada petani-petani tersebut dari segi mengurangkan perbelanjaan penanaman padi, meningkatkan lagi daya pengeluaran dan penghasilan tanaman padi, di samping mendedahkan petani-petani kepada amalan pertanian moden. Mengikut kaedah peraturan serta syarat yang ada, petani-petani padi adalah dikehendaki mendaftar untuk memohon bantuan skim ini. Setiap tahun semakan senarai nama-nama petani dijalankan di peringkat Pertubuhan-pertubuhan Peladang untuk menentukan sama ada mereka mengusahakan sawah masing-masing atau sebaliknya. Secara keseluruhan Sistem Pemberian Bantuan ini serta syarat-syarat yang ditetapkan telah berjalan dengan lancar.

Oleh yang demikian, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang meminda atau menambah peraturan bantuan subsidi yang sedia ada oleh kerana Kerajaan berpendapat kaedah, peraturan serta syarat pelaksanaan skim ini adalah memadai. Walau bagaimanapun, sukalah ditegaskan bahawa pelaksanaan skim ini akan sentiasa diawasi dan sekiranya ada

sungutan daripada petani-petani atau sebagainya tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa salah satu tujuan bantuan subsidi baja padi ini adalah untuk meningkatkan daya pengeluaran padi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sejak tarikh bantuan ini dilaksanakan kepada pesawah-pesawah padi, berapa peratuskah pertambahannya dari segi mengikut daya pengeluaran padi kepada pesawah-pesawah yang telah mendapat bantuan subsidi baja padi ini, sebelum dan selepas.

Yang keduanya, adakah Kerajaan ataupun Kementerian akan menambahkan lagi bantuan subsidi baja padi pada tahun-tahun yang akan datang memandangkan bahawa kos pengeluaran padi bagi mereka yang mempunyai pemilikan yang kecil masih lagi tinggi.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan yang pertama, saya minta notis. Walau bagaimanapun, saya akan memberi maklumat secara bertulis kepada Yang Berhormat itu.

Tentang soalan sama ada Kerajaan bercadang menambah bantuan subsidi, izinkan saya tegaskan di sini, bahawa Kerajaan menyumbang sebanyak 54% kepada kos pengeluaran padi dan setakat ini Kerajaan tidak ada cadangan untuk menambah bantuan subsidi padi kerana setakat ini dianggap paras yang sesuai.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yahya bin Haji Zakaria.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya minta izin membetulkan iaitu barisan ketiga selepas perkataan "Iran" dibubuh perkataan "Iraq". Minta izin Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 12.

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan pindaan berkenaan meluaskan soalan Yang Berhormat. Oh! minta maaf, "...memberhentikan peperangan Iran-Iraq".

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

PEPERANGAN IRAN-IRAQ

12. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah kemajuan usaha Kerajaan Malaysia dalam peranannya memberhentikan peperangan Iran-Iraq, Negara Islam di Asia Barat khasnya kemajuan usaha Malaysia dalam OIC.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberi semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Labis pada 31-3-1986.

Saya tidak ada apa-apa tambahan yang hendak dibuat kepada jawapan tersebut.

PROTON SAGA—PASARAN KERETA

13. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Perdana Menteri menjelaskan memandangkan keadaan kemelesetan pasaran kereta dalam negeri, apakah langkah-langkah positif yang telah, sedang dan akan diambil oleh HICOM bagi mengatasi keadaan itu agar kereta keluaran

negara (PROTON SAGA) tidak hanya tertumpu kepada pasaran di dalam negeri sahaja.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada kurangnya permintaan pasaran kereta dalam negeri pada ketika ini, PROTON telah mengambil langkah mengkaji semula rancangan pengeluarannya selaras dengan angka yang didapati berpatutan dengan permintaan kereta PROTON SAGA. Oleh kerana bilangan ini adalah rahsia syarikat, maka angkanya tidaklah dapat dinyatakan di sini.

Walau bagaimanapun, di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh PROTON untuk mengatasi keadaan kemelesetan pasaran kereta dalam negeri adalah mengubahsuaikan pandangan pasarannya daripada semata-mata terhadap pasaran dalam negeri kepada pasaran luar negeri. Dengan itu PROTON berharap akan dapat mengekalkan tahap perancangan asalnya melalui inisiatif memasuki pasaran eksport dengan giatnya. PROTON telah menubuhkan satu bahagian eksport yang sedang giat membuat kajian teliti untuk meneroka beberapa pasaran luar negeri yang berpotensi.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, berapakah jumlah sebenar subsidi Kerajaan bagi tiap-tiap unit di atas kereta-kereta yang dikeluarkan oleh HICOM ini. Yang keduanya, adakah Kerajaan bercadang untuk menukar atau mengubah model-model baru supaya standing dengan kereta-kereta yang diimport bagi membolehkan kereta-kereta PROTON ini lebih laris dijual?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan tidak ada memberi subsidi dalam ertikata pemberian bantuan kewangan untuk memajukan kereta PROTON

ini. Apa yang telah dibuat ialah memang peruntukan yang telah ditentukan untuk membina dan berdiri dan mengusahakan perusahaan Otomobil Nasional atau PROTON kita ini. Tentulah pada peringkat awal ini penjualan kereta nasional atau PROTON SAGA kita ini sukar mendapat keuntungan kalau difikirkan membayar balik wang yang telah digunakan untuk mendirikan perusahaan ini. Adalah dianggarkan bahawa kita hanya mendapati balik kewangan yang telah digunakan untuk membina dan mendirikan perusahaan kereta nasional kita ini dalam jangkamasa lebih kurang 4 tahun sekurang-kurangnya.

Mengenai soalan yang kedua itu, Proton Saga tidak ada cadangan untuk mengubah jenis dua kereta yang sedang dipasarkan pada ketika ini iaitu satu, 1.5 liter dan 1.3 liter dan sekiranya perlu pun pengubahsuaian itu sekiranya dibuat hanyalah apa yang dinamakan cosmetic changes, iaitu hanya renda-renda sahaja dan sedikit-sedikit.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjawab dari segi cukai secara langsung atau tidak langsung yang dikurangkan ke atas Proton Saga itu. Berapakah satu unit kereta itu memandangkan kereta Proton Saga yang dijual itu sangat murah kalau dibandingkan dengan kereta lain dan apakah kos pengeluaran seunit berbanding dengan kos jualan.

Yang ketiga ialah untuk eksport, manakah negara yang lebih berpotensi, sama ada di United Kingdom ataupun United States?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, mengenai cukai, ini serupa dengan cukai ataupun kadar cukai yang perlu dibayar terhadap lain-lain kereta yang dijual di sini iaitu mengikut c.c., mengikut keupayaan

enginnya, kekuatannya dan sebagainya.

Yang kedua, mengenai pengeluaran seunit, ini adalah sekali lagi saya minta maaf kerana ini rahsia syarikat dan saya tidak boleh keluarkan.

Yang ketiga, setakat ini lebih dari 30 negara telah menulis dan menunjuk minat untuk mengimport kereta Proton. Saga kita ini kepada negara-negara tersebut. Sama ada United Kingdom atau United States, kita memang telah menerima pertanyaan-pertanyaan daripada United Kingdom dan dari United States pun ada juga, akan tetapi dalam pandangan kita, iaitu seperti saya katakan tadi satu bahagian eksport telah pun didirikan di dalam Proton untuk melihat semuanya ini dan kita akan tinjau mana yang nampaknya berkeupayaan untuk membeli kereta nasional kita ini.

Misalnya, walaupun United Kingdom dan United States adalah negara-negara yang telah maju, akan tetapi mereka mempunyai jenis-jenis kereta dan keluaran-keluaran kereta-kereta mereka sendiri yang mana mungkin dapat menampung keperluan kereta mereka sendiri di negara yang terbesar itu. Oleh itu, barangkali mereka tidak perlu mengimport kereta yang begitu banyak unit-unitnya daripada luar negeri masing-masing. Di sebaliknya, kita sedang menarik perhatian kepada negara-negara jiran seperti Indonesia mempunyai 160 juta lebih penduduk dan dari segi semangat bersama dalam ASEAN, begitu juga terhadap Filipina dan negeri Thai, kalau-kalau kita boleh memasuki pasaran itu.

**PILIHANRAYA PRESIDEN DI
FILIPINA/BANTAHAN KEPADA
KENYATAAN TIMBALAN
PERDANA MENTERI SINGAPURA**

14. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan

sejauh manakah kesan terjejasnya keharmonian dalam kerjasama di antara negara-negara ASEAN khususnya dengan Malaysia berikutan dari kesan Pilihanraya Presiden di Filipina dan kesan bantahan Kerajaan Malaysia ke atas Singapura berhubung dengan kenyataan Timbalan Perdana Menteri Singapura—Goh Chok Tong baru-baru ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin memaklumkan bahawa soalan ini mengandungi dua perkara. Bagi menjawabnya dimaklumkan bahawa soalan mengenai kesan Pilihanraya Presiden di Filipina telah dijawab semasa saya jawab soalan Yang Berhormat dari Labis pada 11-3-86.

Berhubung dengan bantahan Malaysia terhadap kenyataan oleh Timbalan Perdana Menteri Pertama Singapura Encik Goh Chok Tong, Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Singapura telah memberi jawapan rasmi kepada nota bantahan kita. Malaysia dan Singapura juga telah bersetuju untuk tidak memanjangkan isu ini. Isu ini merupakan isu dua hala dan tidak menjejaskan keharmonian dan kerjasama di antara negara-negara ASEAN.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 5, 6, 10, 15 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).

BIJIH TIMIH/CARIGALI

1. Tuan Ibrahim Azmi Hassan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

(a) sejauh manakah perkembangan usaha carigali dalam negara kita ini, dan adakah hasil-hasil

galian di bumi Malaysia bertambah atau ianya semakin pupus;

- (b) berapa banyakkah lombong-lombong yang akan dibuka, dan apakah lombong-lombongnya, sejak ekonomi merosot adakah didapati lombong-lombong yang terpaksa ditutup dan apakah sebab-sebab penutupannya.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:

Perkembangan usaha carigali dalam negara ini, mengikut keluasan, telah menurun sejak tiga tahun yang lalu. Keluasan kawasan yang dicarigali pada tahun 1983 ialah 771,440 hektar, manakala tahun 1984 ialah 259,940 hektar dan 172,494 hektar bagi tahun 1985.

Penemuan dari pencairigalian tersebut menunjukkan bahawa sumber bijih timah adalah berkurangan dan jika kegiatan melombong timah diteruskan pengeluaran sepertimana dilakukan pada tahun-tahun yang lalu, maka sumber galian ini akan pupus jua. Sungguhpun begitu, endapan timah yang masih ada sekarang boleh menampung pengeluaran bagi suatu

jangkamasaya yang panjang. Di samping itu beberapa jenis logam lain seperti tembaga telah ditemui di Pahang, emas di Sarawak, Pahang dan Kelantan sementara kaolin dijumpai di Sarawak.

Bagi tempoh beberapa tahun akan datang ada kemungkinan beberapa buah lombong akan dibuka di Pahang, Sarawak dan Kelantan untuk melombong bijih-bijih seperti tembaga, emas dan kaolin. Sebaliknya semenjak krisis pasaran timah melanda pada 24hb Oktober, 1985, banyak lombong-lombong bijih timah telah ditutup. Ini adalah disebabkan oleh kejatuhan harga timah di pasaran dunia ke paras yang rendah sehingga melewati kos pengeluaran lombong-lombong berkenaan. Pasaran timah yang lembab, penawaran timah yang berlebihan dan tiada pertambahan dalam penggunaan timah dunia adalah di antara faktor-faktor yang menyebabkan kejatuhan harga timah, dan seterusnya penutupan lombong-lombong timah.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kedudukan lombong-lombong di Malaysia pada tahun 1983, 1984 dan 1985 adalah seperti berikut:

	1983	1984	1985
(i) Lombong Timah	547	449	279
(ii) Lombong Kaolin	16	15	18
(iii) Lombong Besi	9	8	5
(iv) Lombong Emas	11	10	19
(v) Lombong Bauxite	2	2	1
(vi) Lombong Tembaga	1	1	1
(vii) Lombong Barite	2	—	—
(viii) Lombong Antimoni	1	1	2
JUMLAH ..	589	489	325

TEKSI—PEMERIKSAAN

5. Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Yakob minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada terdapat beberapa teksi yang sedang berkhidmat di dalam kawasan Kuala Lumpur yang berada di dalam keadaan yang tidak selesa umpamanya tidak mempunyai hawa dingin, tempat duduk dan cermin rosak dan sebagainya. Kalau sedar apakah tindakan Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini demi menjamin keselesaan kepada para penumpang teksi di kawasan tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Di sekitar kawasan Kuala Lumpur terdapat 6,766 buah teksi pada masa ini. Teksi-teksi ini seperti kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam yang lain, adalah dikehendaki diperiksa di Jabatan Pengangkutan Jalan setiap enam bulan untuk menentukan kesesuaiannya digunakan di jalan raya, termasuk pemeriksaan ketepatan meter teksi serta keadaan fizikal kenderaan itu secara keseluruhannya. Hanya teksi-teksi yang lulus pemeriksaan itu dibenar meneruskan perkhidmatannya.

Pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan yang menjalankan penguatkuasaan sentiasa memerhatikan keadaan teksi-teksi dan mengambil tindakan ke atas teksi-teksi yang berkenaan tidak memuaskan dari masa ke semasa.

BANK PERTANIAN—PINJAMAN KEPADA KOPERASI

6. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada pihak Kementerian bercadang mengkaji semula kadar pinjaman Bank Pertanian Malaysia kepada koperasi-koperasi. Adakah koperasi akan dikenakan kadar interest

mengikut kadar yang sesuai dengan bayaran yang lebih rendah memandangkan kebanyakan koperasi-koperasi di luar bandar merupakan koperasi yang tidak kuat kedudukan kewangannya.

Dr Goh Cheng Teik: Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Pertanian Malaysia tidak ada kadar faedah pinjaman yang asing untuk koperasi. Walau bagaimanapun, sekiranya sebahagian besar anggota-anggotanya adalah terdiri dari petani dan nelayan kecil yang miskin maka koperasi tersebut boleh ditimbang untuk kadar faedah yang disediakan untuk golongan berpendapatan rendah.

HOSPITAL BARU BANDAR SEGAMAT

10. Tuan Bahari bin Harun minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah hospital baru di Bandar Segamat memandangkan pertambahan penduduk di Daerah tersebut dan hospital yang sedia ada tidak dapat menampung kehendak pengguna yang bertambah dan hospital tersebut sudah begitu lama.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Ban Hon Keong): Memandangkan bahawa kemudahan perubatan yang sedia ada adalah memuaskan, Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk membina sebuah hospital baru di Segamat pada masa ini. Sebaliknya Kementerian saya bercadang untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan di hospital yang sedia ada di Segamat dengan tujuan untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kepada penduduk-penduduk. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini Kerajaan akan beri keutamaan untuk membina hospital baru di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai hospital.

KAMPUNG BARU—PROJEK PEMBANGUNAN

15. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan dalam tahun 1986 untuk memperbaiki keadaan sosio-ekonomi rakyat Malaysia yang menetap di kampung-kampung baru di seluruh negara.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Chan Siang Sun): Mengenai soalan ini, Yang Berhormat Menteri telah menjawab dengan panjang lebar mengenai perkara-perkara yang sama pada 24hb dan 31hb Mac, 1986 dalam Dewan yang mulia ini. Saya tidak ada apa-apa yang hendak ditambah.

PENGANGGURAN—RAKYAT MALAYSIA

16. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Buruh menyatakan berapakah jumlah rakyat Malaysia yang menganggur dan apakah sebab-sebab yang menimbulkan keadaan itu. Bagaimanakah pihak Kerajaan memandangkan masalah ini serta mengambil langkah-langkah supaya mereka yang menganggur dapat pekerjaan lagi. Berhubung dengan ini berapakah dari mereka telah mendapat pekerjaan lain, sila jelaskan.

Menteri Buruh (Dato' Lee Kim Sai): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya memaklumkan bahawa jumlah rakyat Malaysia yang menganggur sehingga 31hb Disember, 1985 adalah dianggarkan 448,600 orang.

Di antara sebab-sebab utama yang mengakibatkan kadar pengangguran yang tinggi di negara kita adalah kadar pertumbuhan ekonomi yang tidak

memuaskan kerana kemelesetan ekonomi dunia. Di samping itu pertumbuhan tenaga pekerja yang terdiri daripada orang-orang yang telah tamat persekolahan yang berjumlah lebih kurang 200,000 orang setiap tahun juga menambah bebanan ke atas kadar pengangguran.

Kerajaan memang memandang berat terhadap pengangguran ini kerana ia adalah satu isu nasional yang memerlukan perhatian oleh semua pihak. Oleh yang demikian, Kerajaan telah bercadang dalam Rancangan Malaysia Kelima langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah ini.

Mengenai bilangan penganggur yang telah ditawarkan kerja pula, seramai 19,550 orang telah dapat ditempatkan dalam pekerjaan-pekerjaan baru oleh Jabatan Tenaga Rakyat. Bilangan orang yang mendapatkan pekerjaan atas daya usaha mereka sendiri tidak diketahui oleh Kementerian saya kerana mereka tidak diwajibkan untuk memberitahu Kementerian saya.

PELABUHAN—EKSPORT BARANG BUATAN MALAYSIA

17. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak bahawa kos pengendalian yang tinggi serta ketidakcekapan dalam perkhidmatan pelabuhan kita pada amnya telah merintang usaha negara kita untuk menambahkan pengeksporan barang-barang buatan. Kalau begini, apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki perkhidmatan pelabuhan; bagaimanakah akan dapat Kerajaan menjamin bahawa penswastan Pelabuhan Kelang pasti akan memperbaiki keadaan ini.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Pada pendapat saya ada banyak faktor yang boleh merintang usaha Kerajaan

untuk membolehkan pengusaha-pengusaha kita mengekspor barang-barang buatan Malaysia. Di antara faktor-faktor utama ialah kos pengeluaran, pemasaran dan mutu keluaran. Walau bagaimanapun tidak boleh dinafikan bahawa jika kos pengendalian pelabuhan-pelabuhan kita begitu tinggi ianya akan menjejaskan usaha Kerajaan kita untuk mengekspor barang-barang buatan Malaysia. Di sini ingin saya memaklumkan Dewan Yang Mulia ini bahawa kos pengendalian pelabuhan-pelabuhan di Malaysia adalah mengikut paras kos pelabuhan-pelabuhan di rantau ini. Oleh itu ia sepatutnya tidak menjadi satu faktor yang utama menghalang usaha kita mengekspor barang-barang buatan kita.

Pihak Kerajaan memang sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan di pelabuhan-pelabuhan kita dan antara usaha-usaha ini adalah seperti berikut:

- (i) memastikan pelabuhan memperoleh satu sukatan prestasi dalam pengendalian kargo;
- (ii) memastikan bahawa pelabuhan-pelabuhan mempunyai kemudahan yang cukup;
- (iii) mengadakan jentera-jentera moden sebagai alat pengendalian kargo;
- (iv) memberi latihan untuk meningkatkan lagi kecekapan pegawai dan kakitangan pelabuhan; dan
- (v) menswastakan beberapa aktiviti di pelabuhan.

Berhubung dengan penswastaaan ingin saya memaklumkan bahawa tujuan utama Kerajaan melaksanakan dasar ini ialah bagi mengurangkan beban pentadbiran Kerajaan dan juga untuk meningkatkan lagi kecekapan pengurusan aktiviti yang diswastakan itu. Dengan penswastaaan terminal

kontena di Pelabuhan Kelang Kerajaan yakin bahawa terminal ini akan menjadi lebih cekap lagi kerana ia tidak akan tertakluk kepada peraturan-peraturan Kerajaan. Saya percaya ini dengan sendirinya akan membantu pihak pengurusan dan kakitangan terminal kontena untuk mempertingkatkan prestasi terminal itu.

BAS SEKOLAH—TAMBANG

18. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa tambang Bas Sekolah yang dikenakan kepada murid telah ditetapkan atau dinaikkan mengikut sesuka hati tuan punya Bas Sekolah. Jika sedar, apakah Kerajaan mempunyai peraturan atau garis panduan tambang Bas Sekolah bagi tiap-tiap sebatu, supaya dapat menghilangkan rungutan ibubapa/penjaga yang terlibat.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Saya sedar bahawa dari masa ke semasa ada pengusaha-pengusaha bas sekolah yang mengenakan tambang melebihi tambang yang diluluskan oleh pihak Kerajaan. Jika sekiranya ibubapa/penjaga kanak-kanak sekolah mendapati pengusaha-pengusaha bas sekolah demikian, ibubapa/penjaga yang berkenaan adalah diminta membuat laporan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil oleh pegawai-pegawai penguatkuasa Jabatan tersebut.

Tambang bas sekolah yang dikenakan sekarang telah pun diluluskan dan diwartakan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan sejak 1hb Januari, 1984. Tambang ini ialah:

- (i) Kadar tambang maksima bagi seorang murid sekolah sebulan di bandar-bandar Kuala

Lumpur, Petaling Jaya, Kelang dan Ipoh ialah:

\$14.00 untuk kilometer pertama;

\$1.00 setiap kilometer untuk 4 kilometer berikutnya; dan

\$1.00 untuk setiap 2 kilometer daripada kilometer ke 6 seterusnya.

- (ii) Kadar tambang maksima bagi seorang murid sekolah sebulan di kawasan-kawasan lain ialah:

\$9.00 untuk kilometer pertama;

\$1.00 untuk setiap kilometer untuk 4 kilometer berikutnya; dan

\$1.00 untuk setiap 2 kilometer daripada kilometer ke 6 seterusnya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1985)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) 1985

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, 1985 dan Anggaran Pembangunan Tambahan, 1985 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*3hb April, 1986*).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud P. 57 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Pembangunan P. 57 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: \$10 sahaja. Silakan Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

4.06 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang: \$10 pun amat penting.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Kertas Perintah 12, muka surat 74 di mana \$10 token peruntukan juga diperuntukkan kepada tujuan "Pelagus Rapids" Projek Tenaga Haidro.

Sebelum saya terus dengan ucapan saya, Tuan Pengerusi, ingin juga saya menekankan betapa pentingnya tanda peruntukan sebanyak \$10 ini dalam konteks isu yang lagi besar.

Tuan Pengerusi, jumlah anggaran harga projek bagi "Pelagus Rapids" Projek Tenaga Haidro menurut maklumat yang diberi atas muka surat 74 jumlahnya ialah \$75 juta. Dalam tempoh tahun 1981 sehingga 1985 anggaran yang diberi kepada tujuan ini ialah kurang lebih \$20 juta, tetapi anggaran perbelanjaan sebenar dalam tempoh ini adalah kosong. Ini bermakna bahawa dalam tempoh ini tidak ada satu sen pun dibelanjakan untuk projek itu walaupun anggaran asal tahun 1985 termasuk tambahan secara langsung dan pinjaman ialah kurang lebih \$14 juta. Sekarang Dewan yang mulia ini dipohon untuk memperuntukkan \$10 tanda peruntukan bagi tujuan ini.

Tuan Pengerusi, tanda peruntukan adalah amat penting dalam konteks ini

kerana permohonan ini menjadi ataupun menunjukkan hasrat Kerajaan untuk terus-menerus dengan pelaksanaan projek ini dan semasa projek haidro elektrik di negeri Sarawak seperti Bakun menjadi suatu isu yang amat berkontroversi dan Projek Bakun pun menjadi twin projects dan "Pelagus Rapids" Project, rasa saya perkara ini harus dikaji dengan mendalam dan teliti dalam Dewan yang mulia ini pada peringkat Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi, Projek Pelagus Haidro Elektrik adalah satu daripada kompleks ampangan haidro elektrik yang dikaji di negeri Sarawak secara, dengan izin, The Sarawak Master Plan Study for Power System Development. Kompleks ampangan-ampangan tersebut adalah terdiri daripada 4 ampangan iaitu Bakun, dengan keupayaan pengeluaran tenaga sebanyak 2,400 megawatt, Murong 900 megawatt, Balih 950 megawatt dan Pelagus 770 megawatt. Untuk bandingan, untuk membolehkan kita memahami saiz pengeluaran ini, saya ingin menjelaskan bahawa pada masa sekarang negeri Sarawak memerlukan keupayaan pengeluaran elektrik sebanyak kurang daripada 150 megawatt sahaja.

Tuan Pengerusi, feasibility study bagi projek Pelagus telah siap disediakan pada tahun 1982. Kajian itu telah menentukan potensi hydro power di Pelagus sebagai 5,600 GWH (gigawatt hour) setahun dengan capacity pengeluaran maksimum sebanyak 770 megawatt. Kos pelaksanaan bagi projek Pelagus haidro elektrik berharga tahun 1983 dan tanpa mengira faedah-faedah bank semasa tempoh pembinaan serta pembinaan sahaja telah dianggarkan sebanyak \$2,100 juta. Dalam lain kata jikalau kita meluluskan tanda peruntukan sebanyak \$10 ini mungkin pada satu hari negara kita

akan membelanjakan duit sebanyak \$2,100 juta bagi projek ini.

Tuan Pengerusi, bilangan penduduk-penduduk yang harus ditempatkan semula oleh kerana pelaksanaan projek haidro elektrik di Pelagus ialah 12,000 orang dibandingkan dengan 4,500 orang di Bakun sahaja. Kos penempatan semula itu dianggarkan sebanyak \$160 juta. Menurut laporan "SAMA Consortium", iaitu syarikat perunding yang menjalankan feasibility study itu projek Pelagus tidak begitu viable, jikalau dilaksanakan bersendirian oleh kerana masalah, dengan izin, sedimentation, dan laporan "SAMA Consortium" itu memberi komen yang berbunyi seperti berikut, dengan izin:

"Commissioning of the Pelagus project could be as early as 1992 or 1993, but it would require a firm commitment towards subsequent construction of the upstream Bakun Project. The Bakun reservoir would trap a large portion of the sediments which would otherwise flow into the downstream Pelagus reservoir. It would not be commendable to build Pelagus as a stand alone project in view of the risk of early reservoir sedimentation."

Tuan Pengerusi, di samping itu di dalam kawasan Pelagus itu di satu tempat bernama Merit Pila adalah terdapat simpanan deposit batu arang yang boleh dieksploitasikan maka menjadilah hasrat Kerajaan untuk mengeksploitasikan batu arang itu sebelum membanjiri kawasan Pelagus bagi tujuan melaksanakan projek Pelagus.

Tuan Pengerusi, soalan yang ingin saya bangkitkan di sini adalah sama dengan soalan yang telah saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali, yang pertama adalah benar bahawa negara kita memerlukan satu projek haidro elektrik raksaksa seperti projek

Pelagus, saya pun sedar juga Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah mengemukakan ke atas Parlimen ini suatu buku maklumat yang memberi hujah-hujah untuk menjustifikan pelaksanaan projek Bakun. Maklumat-maklumat latar belakang itu yang diberi dalam buku itu juga berkait dengan hujah ke atas projek Pelagus dan ke atas soalan saya sama ada kita memerlukan tenaga daripada projek Pelagus.

Yang pertama, ramalan yang diberi oleh pihak Kerajaan terhadap permintaan tenaga oleh negara kita dalam tempoh selama 25 tahun yang akan datang adalah tidak mencukupi untuk meyakinkan kita bahawa kita sebenarnya memerlukan tenaga sebegitu besar. Pada muka surat keempat dalam buku maklumat-maklumat itu permintaan tenaga dalam Malaysia akan dipertingkatkan daripada tahap 2,410 megawatt pada tahun ini kepada tahap 3,640 megawatt pada tahun 1990 kepada tahap 5,430 megawatt pada tahun 1995, sehingga permintaan tenaga sebanyak 14,740 megawatt pada tahun 2010.

Tuan Pengerusi, menurut ramalan ini permintaan tenaga elektrik dalam negara kita akan dipertingkatkan sebanyak kurang lebih 7 kali ganda dan pihak Kerajaan pun tidak memberi apa-apa data-data ataupun angka-angka untuk menyokong ramalan ini. Pada hemat saya mungkin "SAMA Consortium" dan khususnya Syarikat Motor Columbus membuat satu permainan matematik sahaja dengan memberi satu extrapolation, dengan izin, ke atas kadar pertumbuhan permintaan tenaga negara kita sebanyak 600 setahun.

Dan kita tidak dapat diyakinkan oleh ramalan ini oleh kerana tidak ada apa-apa bukti yang konkrit untuk menjustifikan kadar pertumbuhan permintaan tenaga yang sebegitu

tinggi khususnya dalam IMP, ataupun Industrial Master Plan, dengan izin, kita tidak diberitahu oleh pihak Kerajaan sama ada kita sebenarnya akan menekankan perkembangan industri-industri berat, industri-industri yang energy intensive yang memerlukan energy yang sebegitu banyak, juga kita pun belum diberi apa-apa maklumat untuk meyakinkan rakyat jelata seluruh negara kita bahawa kita tidak dapat menjalankan satu dasar conservation untuk menyelamatkan punca-punca tenaga elektrik di negara kita.

Oleh yang demikian, soalan ini harus dijawab sebelum kita boleh meluluskan apa-apa peruntukan untuk menjalankan apa-apa projek haidro elektrik sahaja di negeri Sarawak. Dan kita pun sedar bahawa Sabah mempunyai punca-punca haidro elektrik yang banyak sama dengan negeri Sarawak dan kita tidak mampu dan tidak perlu untuk melaksanakan satu national grid daripada satu punca tenaga yang tunggal yang ditempatkan di negeri Sarawak, oleh kerana Sabah pun boleh membekalkan tenaga elektrik ini ke negeri mereka sendiri.

Keduanya, adalah terhadap kos pengeluaran tenaga elektrik. Pihak Kerajaan telah mengulangi dengan hujah bahawa tenaga elektrik yang dikeluarkan dari projek haidro elektrik adalah amat rendah, jika dibandingkan dengan elektrik yang dikeluarkan daripada thermal force, dengan izin. Saya baca daripada muka surat ke sembilan dalam projek Information Bakun Hydro Electric Project yang berbunyi seperti berikut:

"For instance at 8% discount rate and the cashflow extended to 20-30% production cost of Bakun hydro electric, hydro electricity is 3.1 cents per kilowatt hour compared to the alternative thermal generation cost of 5.1 cent per kilowatt hour for LLN, 5.2 cents per

kilowatt hour for SESCO and 7.1 cents per kilowatt hour for LLS, Sabah.”

Maka soalan saya ialah bagaimanakah pihak Kerajaan telah membuat kiraan (calculation) untuk mencapai angka-angka tersebut iaitu kos pengeluaran elektrik daripada Bakun adalah 3.1 sen per kilowatt hour sahaja dan jikalau angka ini tidak dapat dibuktikan, kita juga tidak boleh diyakinkan bahawa projek haidro elektrik akan memberi kita tenaga yang lebih murah.

Tuan Pengerusi, saya memberi satu contoh dalam Bahagian Pertama di negeri Sarawak elektrik telah dibekalkan daripada projek haidro elektrik di Batang Ai dan projek ini juga dicommissionkan pada tahun lalu.

Walau bagaimanapun, selepas tenaga elektrik mula dibekalkan daripada projek Batang Ai, kadar bayaran elektrik bagi semua pengguna-pengguna di Kuching dan Bahagian Pertama di negeri Sarawak tidak diturunkan. Dan soalan yang kita ingin bangkitkan ialah jikalau kita terus-menerus dengan pelaksanaan projek Pelagus ini apakah jaminan (guarantee) yang boleh kita dapatkan bahawa tenaga ini boleh diturunkan juga bagi kepentingan industri-industri dan pengguna-pengguna rumahtangga sahaja.

Tuan Pengerusi, jikalau kita tidak memerlukan tenaga elektrik seperti itu sebanyak seperti yang diramalkan di dalam buku maklumat yang dibentangkan, kita tidak akan menyelamatkan importan soft alternative bagi tenaga elektrik seperti yang didakwa oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dan walaupun Yang Berhormat Menteri itu mendakwa bahawa pelaksanaan projek haidro elektrik akan menyelamatkan dan mengurangkan kos pengimportan

minyak sebanyak \$1.1 billion setahun, tetapi jikalau kita mengamalkan dasar conservation kita tidak akan memerlukan energy itu maka kita tidak pun menyelamatkan kos importan minyak itu.

Tuan Pengerusi, saya pun sedar juga pengeluaran tenaga elektrik daripada projek haidro elektrik adalah baik, oleh kerana projek haidro elektrik adalah self-renewing, self-regenerative, ianya pun tidak akan mengakibatkan kesan-kesan buruk dari segi pandangan alam semula jadi dan sebagainya. Ingin saya tekankan di sini juga kita tidak menentang semua projek-projek haidro elektrik, tetapi kita ingin mengambil perhatian berat daripada pihak Kerajaan ke atas melaksanakan projek-projek haidro elektrik yang besar seperti Bakun dan Pelagus. Oleh kerana kesan-kesan buruk amatlah tidak tentu memandangkan bahawa teknologi untuk membina dan menjalankan dan menguruskan ampangan-ampangan sebesar seperti Bakun adalah satu teknologi yang baru yang tidak lama daripada 20 tahun atau 30 tahun sahaja, dan kita harus memeriksa, mengkaji dan menguji ampangan raksasa sebegitu besar sesama kita, memeriksa dan mengkaji semula projek-projek pengeluaran elektrik daripada kilang nuklear juga. Dan satu soalan yang besar akhirnya ke atas Projek Pelagus ini seperti soalan yang berkait dengan pelaksanaan Projek Haidro Elektrik Bakun, Mumun dan sebagainya ialah satu soalan mengenai amalan dan nilai kita untuk mengamalkan sistem demokrasi berparlimen.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dalam jawapannya di dalam Dewan yang mulia ini pada 31hb Mac, 1986 mengatakan: “Akhir-akhir ini Kerajaan telah menerima desakan berulang-ulang kali khususnya dari

pihak Pembangkang supaya laporan-laporan kemungkinan Projek Haidro Bakun ini dikeluarkan untuk orang ramai. Saya tidak dapat melihat sebarang faedah untuk berbuat demikian kerana setiap pertanyaan di Parlimen dan oleh mass media telah dijawab dengan secara jujur dan Kerajaan tidak sekali-kali berhasrat untuk menyembunyikan sebarang maklumat mengenainya. Sebenarnya, Kementerian saya telah pun mengeluarkan buku maklumat yang berdasarkan kepada laporan-laporan tersebut. . . .”

Tuan Pengerusi, feasibility study ke atas Projek Pelagus telah siap disediakan pada tahun 1982, dan point yang ingin saya buat di sini adalah sama iaitu pihak Kerajaan harus mengeluarkan feasibility study ke atas Projek Pelagus ini sebelum kita boleh menimbangkan kelulusan apa-apa peruntukan sahaja bagi tujuan ini, kerana feasibility study dan laporan-laporan berkenaan, laporan-laporan seperti yang ada kaitan dengan projek-projek itu seperti Pelagus Hydro-Electric Project Feasibility Study, National Energy Planning Study, Power Sector Investment Study. Laporan-laporan itu telah dibiayai oleh wang awam dan selepas ia disediakan ia menjadi dokumen awam dan semua rakyat berhak bagi maklumat yang terkandung di dalam buku-buku ini supaya mereka boleh menyertai dalam proses keputusan kolektif yang dibuat di dalam negara kita ke atas apa-apa keputusan yang major.

Di samping itu satu projek seperti Pelagus yang akan memakan peruntukan yang besar hendaklah dibincangkan dengan mendalam, dengan luas oleh bukan sahaja di dalam Parlimen sini tetapi seluruh negara kita supaya rakyat jelata pun boleh merasa mereka ada satu stake, dengan izin, di dalam negara kita.

Kalau tidak, kalau semua keputusan-keputusan yang besar, penting diserahkan kepada pihak Kerajaan sahaja, dalam satu tempoh yang panjang selepas amalan ini diteruskan, rakyat jelata tentulah menjadi apathetic, dengan izin, dan mereka tidak mempunyai apa-apa stake, apa-apa bahagian dalam untung nasib negara kita dan mereka tidak akan bekerjasama dengan pihak Kerajaan dalam melaksanakan apa-apa projek lagi.

Tuan Pengerusi, malangnya saya melihat sini Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos tidak hadir di sini. Saya pun tidak tahu bagaimanakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan akan menjawab soalan teknikal seperti yang saya bangkitkan. Sekian sahaja.

Tuan Pengerusi: Dijemput Yang Berhormat.

4.26 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, ada beberapa perkara teknikal yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuching itu, tetapi perkara-perkara teknikal itu bukanlah berertinya sukar hendak dijawab, sebab yang saya hendak jawab ini dari segi anggarannya. Saya tidak hendak membincangkan tentang teknikal.

Pertama sekali apabila kita membuat tanda \$10, ertinya tanda ini ialah untuk kita mengadakan pada masa hadapan wang yang berkaitan dengan tajuk ini. Itu penting yang pertama.

Yang kedua, tidak semestinya projek-projek itu tidak boleh diubah dari segi skop. Projek-projek yang besar boleh diubah dari masa ke semasa, skopnya tertakluk kepada keperluan. Dalam kes, ini misalnya, tenaga haidro boleh diubah mengikut

keperluan pada waktu itu, dan harus kita ingat bahawa benda yang besar seperti ini yang menelan belanja yang banyak tidak akan dapat dibuat di dalam masa yang singkat. Ianya perlu memakan masa dan oleh sebab itu kita harus ingat walaupun kita tahu pada ketika ini negara kita banyak mempunyai berbagai sumber tenaga sama ada dari segi minyak ataupun dari segi gas asli, ataupun termasuk dari arang-arang batu yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kuching tadi. Tetapi sebagai sebuah projek yang besar yang mungkin memakan masa lama maka kita harus memandang dari keadaan yang lebih panjang lagi daripada yang kita perlu fikirkan, setakat yang difikirkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuching tadi.

Dia menyatakan bahawa orang di tempat ini hanya 12,000 misalnya, mengapa memerlukan banyak sangat tenaga dan sanggup dia mengatakan dan hairankan mengapa tidak orang Sabah mengeluarkan tenaga bagi keperluan di Sabah sendiri.

Tuan Pengerusi, kita negara Malaysia.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Minta penjelasan. Dijemput.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, saya sebutkan angka 12,000 orang yang hendak ditempatkan semula, bukan 12,000 orang yang memerlukan tenaga sahaja. Yang saya tidak menekan ialah masalah untuk menempatkan semula orang ini lebih besar daripada mendapatkan semula orang-orang yang terlibat dalam projek Bakun. Ini sahaja.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, seperti saya katakan tadi, saya hairan mengapa seseorang yang duduk di dalam Dewan ini sewaktu

membincangkan satu-satu projek memikir dari segi Sarawak, dari segi Sabah dan sebagainya. Ini pada pandangan saya adalah satu pandangan yang cetek, sebab apabila kita membincangkan di Dewan ini, kita harus memikirkkan dari segi pan Malaysia—bukan, misalannya, kalau kita dari Sarawak, memikirkkan hanya tentang Sarawak ataupun kalau kita dari Sabah memikirkkan hanya tentang Sabah dan sebagainya.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta jalan.

Tuan Sim Kwang Yang: Point yang saya ingin buat di sini dalam Dewan ini ialah jikalau Dewan yang mulia ini tidak dapat menimbangkan masalah yang dihadapi oleh orang Sarawak sebagai masalah nasional, jikalau kita tidak dapat buat sedemikian, kita akan menghadapi masalah yang besar dalam masa hadapan di dalam konteks integrasi nasional.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, terima kasih. Nampaknya tidak ada yang saya hendak jawab sebab dia bersetuju dengan saya.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menegur saya sebagai seorang yang tidak berfikir dengan luas dan yang berfikir dengan sempit oleh kerana saya bangkitkan masalah Sarawak sahaja. Hujah saya ialah kita harus menimbangkan masalah Sarawak sebagai masalah nasional. Kalau tidak, kita akan pecah-belah sebagai satu negara. Ini saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato Sabbaruddin Chik: Terima kasihlah, dia bersetuju dengan saya, orang Sarawak tidak hanya patut membincangkan tentang masalah Sarawak, orang Sabah tidak seharusnya

membincangkan masalah Sabah sahaja. Kita di sini membincangkan masalah pan Malaysia. Ertinya, kalau sekiranya masalah Sarawak, sama-sama kita bincangkan, masalah Sabah pun begitu. Jadi, janganlah apabila orang Sabah berkehendakkan tenaga elektrik, dia hanya buat di Sabah, jangan mengambil dari Sarawak—itu maksud Yang Berhormat tadi pada mulanya. Tuan Pengerusi, saya fikir pandangan seperti ini amat cetek. Kita harus teliti juga bahawa projek ini jika tidak dilaksanakan, Kerajaan terpaksa membelanjakan sebanyak lebih kurang \$7.5 billion bagi mendirikan stesyen-stesyen Janakuasa Elektrik Temor untuk memenuhi permintaan tenaga elektrik negara pada masa akan datang. Ini berbanding dengan harga yang lebih murah kalau sekiranya kita menjalankan projek seperti yang dicadangkan ini. Seperti saya katakan tadi juga, Tuan Pengerusi, tidak semestinya projek yang sebesar ini harus dibuat dengan serta-merta.

Dari segi skop ianya boleh diubah-suaikan mengikut keperluan, keadaan termasuk keupayaan dari segi tenaga, dari segi kewangan, dari segi segala-galanya yang diupayakan oleh negara.

Ada satu lagi perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching tadi mengenai Sabah untuk Sabah dan sebagainya atau Sabah seharusnya mengeluarkan tenaga di Sabah. Inginlah saya memaklumkan seperti saya difahamkan bahawa walaupun terdapat banyak potensi bagi mengeluarkan sumber tenaga hidro di Sabah tetapi seperti yang saya difahamkan, potensi ini atau tempat yang boleh kita mendirikan janakuasa elektrik ini ataupun mengambil sumber tenaga melalui hidro ini, adalah bersekitaraan, tidak setempat-setempat yang mana ertinya kita hanya boleh membuat mini-hydro yang kecil-kecilan sahaja walaupun banyak. Tetapi dari segi tempatnya

tidak setempat, maka itu sudah tentulah akan menambah lagi kos berbanding dengan tempat plant itu sendiri, tempatnya yang lebih sesuai dan berkemungkinan berupaya membekalkan tenaga di seluruh negara. Jadi, ini lebih ekonomik lagi difikir dari segi jangka panjang.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahaja yang saya hendak sebutkan berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

Cuma akhirnya saya haraplah bahawa pihak Pembangkang apalah kiranya jangan menggunakan perkara-perkara pembangunan ini walaupun baik untuk kepentingan-kepentingan yang lain, khususnya kepentingan politik—janganlah sengaja mengambil kesempatan untuk kepentingan politik. Seperti pernah disebutkan tadi, misalannya apabila bertambahnya tenaga mengapa elektrik tidak dapat murah dan sebagainya. Inilah selagi ada perkara-perkara, rancangan-rancangan Kerajaan yang kita hendak buat, tetapi mendapat tentangan dari pihak-pihak tertentu maka sudah tentunyalah perjalanan projek-projek tidak dapat dibuat dengan baik. Sebagai misalannya saya katakan, katalah untuk satu projek di Batang Air, pada waktu mulanya bagi satu hektar yang perlu diambil diberi pampasan misalannya \$200 satu hektar. Kemudian dengan kerana desakan-desakan pihak-pihak tertentu terpaksa pampasan dibayar sampai \$2,000, \$3,000, \$50,000 sehektar. Dan kalau dengan cara itu, sudah tentu projek yang asalnya murah dengan pampasan yang sedikit dan munasabah tetapi oleh sebab desakan-desakan pihak-pihak tertentu yang hendak menggunakan keadaan ini, pampasan terpaksa dibayar dengan lebih mahal. Apabila pampasan terpaksa dibayar dengan lebih mahal, sudah tentulah secara relatif, secara langsung, kos itu

akan naik walaupun pada hakikatnya hidro ini merupakan satu sumber tenaga yang murah. Tetapi oleh sebab pampasan terpaksa dibayar dengan mahal, maka akhirnya projek itu juga menjadi mahal. Jadi, kita haraplah supaya jangan pihak-pihak sengaja mengambil kesempatan ini kalau kita mahu melihat tenaga yang sepatutnya murah ini tidak menjadi mahal oleh sebab akibat dari pembangunan yang lain, maksud khususnya seperti saya katakan tadi, tambahan oleh sebab pampasan bukan oleh sebab projek itu sendiri.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 57 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1985 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 57 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985.

Maksud B. 61—

Maksud P. 61—

Tuan Pengerusi: Kepala B. 61 dan P. 61 di bawah Kementerian Kerjaraya terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.40 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyebut Maksud P. 61 iaitu Butiran (Projek) 23 sebanyak \$300 juta untuk pembangunan diberikan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Di dalam Kertas Perintah 13 1986 ada menyebut bahawa dari \$300 juta itu hanya \$14.8 juta untuk membiayai kontrak-kontrak kerja tambahan dan pembesaran bagi projek Pengkalan Perkalen Petroleum Trengganu dan \$26.8 juta untuk membiayai kerja-kerja pembinaan dan pembaikan jalan-jalan dan jambatan iaitu sebanyak \$9 juta untuk pembinaan jalan-jalan baru di kawasan-kawasan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, \$8 juta untuk pembinaan "overhead bypass" di Green Lane Jalan Air Itam serta membaiki Jalan Udini bagi mengatasi kesesakan lalulintas berikutan dengan pembinaan jambatan Pulau Pinang; \$7.8 juta adalah sebagai pemberian kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk menampung perbelanjaan bagi pembinaan jalan-jalan luar bandar dan \$2 juta untuk membiayai kerja-kerja mengganti dan mengalihkan saluran paip air di Jalan Lintang, Selat Kelang Utara.

Jadi daripada \$300 juta itu hanya sebahagian kecil sahaja dinyatakan butir-butir projek tetapi sebahagian besar daripada \$300 juta ini tidak dinyatakan bahawa \$300 juta ini untuk lebuhraya mana atau untuk projek apa. Jadi hanya yang disebut itu hanya projek-projek kecil, tidak pun sampai \$100 juta tetapi yang lebih lagi itu tidak dinyatakan. Sepatutnya butiran-butiran ini dinyatakan supaya kita dapat menentukan ke manakah \$300 juta peruntukan pembangunan tambahan ini digunakan.

Kembali kepada pembinaan jalan-jalan luar bandar di Kelantan \$7.8 juta, saya suka hendak menarik perhatian bahawa setakat ini pihak Jabatan Kerjaraya ada juga untuk mengambil bahagian dalam pembinaan jalan di luar bandar tetapi malangnya terdapat setengah-setengah jalan luar bandar yang sepatutnya dibaiki oleh pihak JKR tetapi tidak dibaiki. Misalnya jalan di

antara satu tempat Pasir Puteh ke Semerak, sama ada jalan itu jalan luar bandar ataupun tidak tetapi jalan itu adalah amat mendukacitakan dan jalan yang sama tetapi dihujungnya ke Terengganu, ke Kuala Besut adalah lebih baik daripada sempadan Terengganu itu ke Pasir Puteh.

Jadi kalau \$7.8 juta ini belum lagi sampai ke Pasir Puteh, bolehkah ditambah sedikit supaya dapat sampai ke Pasir Puteh ataupun jalan yang buruk itu dapat dibaiki sedikit dan di jalan itu masih ada dua jambatan kayu. Pada masa ini saya telah tanya, adakah jambatan kayu ini akan dijadikan sebagai barang antik ataupun hendak diambil untuk simpan di muzeum atau macam mana, kerana jalan ini sekarang ini telah pun maju kerana setelah pembinaan jambatan di Kuala Besut, maka jalan ini telah dilalui oleh sebahagian besar orang daripada Besut dan juga penghubungan dari dua buah negeri melalui jalan ini sebagai satu jalan lain selain daripada jalan besar yang dilakukan di antara Jerneh dengan Pasir Puteh.

Jadi saya mintalah kalau tidak dapat peruntukan ini pun ada peruntukan \$2 juta iaitu pembinaan jambatan-jambatan di dalam Maksud P. 61, butiran 2, Memperbaiki Jalan II dan Jambatan-jambatan. Kalau tidak dapat daripada peruntukan ini, mungkin boleh juga digunakan untuk pembinaan jambatan kayu yang masih ada di negeri Kelantan. Jadi sebagaimana yang kita tahu bahawa negeri Kelantan ini baru mula merdeka pada tahun 1978 setelah Kerajaan Barisan Nasional dapat memerintah semula daripada penjajahan Kerajaan PAS dahulu. Jadi tentulah pembangunan-pembangunan di sini dan jalan-jalan luar bandar ini masih banyak lagi yang lebih buruk kalau kita bandingkan dengan negeri-negeri lain dan juga

jambatan-jambatan masih ada jambatan-jambatan kayu yang tidak dibaiki.

Jadi dengan peruntukan yang ada yang diberi \$7.8 juta itu dapatlah saya mengetahui daripada jalan mana dan jambatan mana ataupun jalan luar bandar manakah yang dibina bagi membaiki jalan-jalan di negeri Kelantan ini.

Jadi saya berharaplah bahawa peruntukan-peruntukan ini supaya benar-benar dapat membaiki kemudahan-kemudahan asas dan juga kemudahan-kemudahan yang perlu dibaiki bagi jalan-jalan luar bandar yang ada di Kelantan yang saya kata masih lagi tidak memuaskan kalau kita bandingkan dengan negeri-negeri lain. Sebagai contoh, saya contohkan kawasan saya tadi. Jadi ada orang kata satu cerita, kalau kita pejam mata kita berjalan daripada Terengganu atau mengikut sama ada Jalan Kuala Besut, Jalan Semerak ataupun Jalan Pasir Puteh dengan orang buta pejam mata pun tahu, ah ini sudah masuk negeri Kelantan, bermakna perbezaan jalan negeri Terengganu dengan jalan negeri Kelantan itu 'dengan pejam mata kita dapat merasai sendiri. Jadi begitulah bezanya mengatakan buruknya jalan yang ada di negeri Kelantan dan peruntukan tambahan ini patutlah digunakan untuk membaiki sepenuhnya keburukan jalan dan kemudahan asas bagi negeri Kelantan. Sekian, terima kasih.

4.48 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Maksud P. 61, Kertas Perintah 10, 11 dan 14, tambahan sebanyak \$4 juta untuk membiayai kerja pembaikan Jalan Jerangau-Jabor di Terengganu. Tadi Yang Berhormat dari Pasir Puteh, setengah-setengah hujahnya adalah wajar dan waras—jarang sekali.

Dalam tahun 1981 sehingga 1984 perbelanjaan sebenarnya yang dibelanjakan ke atas projek ini adalah \$12,456,083. Jadi apakah bentuk pembaikan yang telah dijalankan dengan wang tambahan ini? Apakah jumlah wang yang diperuntukkan untuk kerja pembaikan jalan ini, untuk berapa kilometerkah kerja pembaikan yang dimaksudkan? Nampaknya kerja pembaikan jalan raya ataupun jambatan dijalankan pada hampir-hampir setiap kali Perbelanjaan Mengurus Tambahan diminta. Apakah di antara sebab-sebabnya bagi keadaan jalan raya serta jambatan yang sangat buruk dalam negara ini? Mengapakah teknik-teknik yang lebih maju dan tahan lasak tidak digunakan semasa pembinaan jalan raya atau jambatan agar menjimatkan wang pembaikan dan yang berlebihan dan yang menyusahkan orang ramai.

Tuan Pengerusi, P. 61, Kertas Perintah 12 dan 13. Mengikut Kertas Perintah 12, wang \$2 juta dicadangkan untuk membaiki Jalan II dan Jambatan-jambatan.

Kertas Perintah 13 pula mencatatkan perbelanjaan ini sebagai pembiayaan kerja mengganti, dan mengalihkan saluran paip air di antara Jalan Kelang Utara seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi. Adakah kedua-dua perbelanjaan ini merujuk kepada perkataan yang sama, apakah panjangnya jalan yang akan terlibat di dalam kerja pembaikan ini dan mengapakah saluran paip air mesti dialihkan dengan menggunakan wang \$2 juta ini.

Bagi Kertas Perintah 12, muka surat 80—Lembaga Lebuhraya Malaysia, pinjaman projek \$300 juta dikehendaki sebagai peruntukan pinjaman kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk membiayai bayaran kemajuan kontrak pembinaan

lebuhraya-lebuhraya, beberapa projek yang dapat dibiayai dengan wang ini.

Di sini saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Pasir Puteh kerana kita tidak nampak butir-butir yang selanjutnya untuk membiayai ataupun untuk \$300 juta yang telah pun digunakan. Di mana letaknya lebuhraya-lebuhraya yang terlibat di dalam bayaran kemajuan kontrak pembinaan ini. Apakah jumlah wang yang telah pun dilaburkan sebagai bayaran kemajuan kontrak pembinaan. Adakah bakinya yang masih perlu dibayar dan di sini pun saya tidak tahu sama ada projek untuk Jalan Kuching-Bulatan Kepong di Wilayah Persekutuan dimaksudkan di dalamnya, sebab saya pun tidak tahu, cuma saya hendak bangkitkan di dalam keadaan yang samar-samar ini. Mengapa itu hendak diadakan satu pintu tol di Kuching, bukankah lebih wajar kalau pintu tol ini diadakan lebih jauh daripada kawasan pusat bandar, kerana saya berpendapat perkara mengadakan Plaza Tol di dalam pusat bandar adalah tidak wajar, kerana ini akan menambahkan kesesakan lalulintas. Walau bagaimanapun. . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau saya tidak tahu yang mencuri itu salah, makna saya boleh mencurilah?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu bukan curi, sebab saya tidak tahu projek-projek yang disebutkan di dalam permintaan Perbekalan Tambahan sebanyak \$300 juta ini. Saya tidak tahu projek mana, kontrak mana, mungkin untuk kontrak Jalan Kuching, sebab itulah kita hendak tahu butir-butir yang lengkapnya.

Kertas Statut 29, muka surat 61—Skim Mengatasi Kesesakan Lalulintas Pulau Pinang, dan Kertas Perintah 12 juga muka surat 78, di sini saya hendak menjelaskan, walaupun wang

digunakan sebanyak \$8 juta untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas ini.

Saya nampak kesesakan itu bertambah buruk, jadi mungkin penggunaan wang ini tidak cukup ataupun tidak wajar, sebab tempat-tempat yang dipilih itu mungkin tidak sesuai, tetapi malangnya setakat ini kesesakan lalulintas di Pulau Pinang terutamanya yang berhampiran di sekitar Jambatan Pulau Pinang itu adalah sangat buruk. Jadi saya berharaplah dengan meminta wang yang lebih ini keadaan kesesakan lalulintas di Pulau Pinang.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Minta penjelasan.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini juga hendak berpindah bertanding di Pulau Pinang sepertimana Ketua Pembangkang?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, dia takut sangat, ini di luar daripada perkara yang di hadapan kami semua.

Tuan Pengerusi: Mungkin Yang Berhormat pun tidak tahu perkara itu tidak berkaitan, sebab dia tidak tahu maka dia boleh sebut, dia pun anggap sedemikian barangkali.

Dr Tan Seng Giaw: Jauh sangat, Tuan Pengerusi. Saya bangkitkan mengenai jalan, sebab jalan itu diminta \$300 juta sedangkan wang ini telah digunakan, tetapi tidak tahu lagi kontrak-kontrak mana, projek-projek mana, ini satu kecuaihan dan kesesakan lalulintas di Pulau Pinang pun minta \$8

juta untuk digunakan, didahului daripada Kumpulanwang Luar Jangka, tetapi setakat ini kesesakan itu tidak diselesaikan—bertambah buruk pula. Jadi saya berharap pihak Kerajaan dapat memperbaiki keadaan yang tidak wajar ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.57 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Nampaknya semua orang bersetuju Yang Berhormat dari Kuching bersetuju dengan Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan saya pun kali pertama bersetuju dengan Yang Berhormat dari Kepong, kerana soalan-soalannya waras belaka hari ini.

Sebelum saya terlupa, saya ingin memberi penjelasan kepada Yang Berhormat dari Kepong ini dahulu, pertamanya Yang Berhormat dari Kepong meminta penerangan tentang tambahan \$4 juta untuk memperbaiki Jalan Jerangau-Jabur.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, jalan ini seringkali rosak bukan disebabkan oleh teknologi yang tidak baik, tetapi disebabkan ianya jalan baru, maklum sahajalah yang baru ini kadangkala rosak lebih kerap daripada yang lama, dia tak matang lagi.

Yang kedua, terlalu kerap sangat kenderaan-kenderaan yang lebih muatan lalu di jalan ini, barangkali oleh sebab jalan baru, ramai yang hendak menggunakan dengan muatan yang lebih hingga merosakkan jalan itu. Maka dengan kerana itu terpaksa digunakan \$4 juta ini untuk memperbaiki Jalan Jerangau-Jabur itu.

Yang Berhormat dari Kepong juga meminta secara terperinci malah Yang Berhormat dari Pasir Puteh juga meminta secara terperinci berkenaan dengan \$300 juta di bawah Maksud P. 21.

Sebenarnya peruntukan \$300 juta ini adalah diperlukan untuk pembayaran kerja-kerja kontrak termasuklah faedah pinjaman bagi 3 batang jalan. Daripada hutang sebanyak \$300 juta ini faedahnya ialah sebanyak \$10 juta yang diperlukan untuk membayar faedah atas \$300 juta itu. Ini bermakna Lembaga Lebuhraya Malaysia hanya terima \$290 juta setelah ditolak \$10 juta untuk faedah. \$10 juta ini adalah sebahagian daripadanya, kemudian untuk bayaran faedah kepada pinjaman-pinjaman Lembaga Lebuhraya Malaysia yang sedia ada ialah sebanyak \$63 juta dan bakinya sebanyak \$277 juta, menjadi \$300 juta semuanya. Ini ialah untuk bayaran-bayaran kontrak bagi projek-

- (i) Jitra-Alor Setar-Gurun.
- (ii) Changkat Jering-Ipoh.
- (iii) Senawang-Air Keroh-Pagoh.

Itu dia tujuan sepenuhnya untuk \$300 juta tadi.

Cuma nampaknya Yang Berhormat dari Kepong agak kurang senang dengan tajuk yang mana beliau cuba hendak mencuri tadi, Alhamdulillah, Tuan Pengerusi, amat cekap. Sebenarnya seperti yang kita ketahui tajuk biasanya tidak dapatlah kita tulis dengan panjang. Kalau kita hendak tuliskan dengan panjang tajuk itu barangkali terpaksa Kertas Perintah 12 Tahun 1986 setebal agaknya 5 atau 6 inci, maka sebab itulah banyak perkara-perkara diletak di bawah tajuk yang lebih kurang. Ini termasuklah misalnya apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi yang mana Yang Berhormat dari Pasir

Puteh mengambil kesempatan untuk memohon peruntukan untuk membaiki jalan luar bandar.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya kalau boleh hendak sangat beri, tetapi kita bukan membuat peruntukan baru. Ini semuanya telah digunakan jadi tidak dapatlah kita hendak beri daripada peruntukan ini. Walau bagaimanapun, seperti Yang Berhormat sedia maklum memang sebenarnya bagi jalan luar bandar, adalah di bawah program pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri setelah mendapat grant daripada Kerajaan Pusat. Jadi biasanya jalan ini dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui grant daripada Kerajaan Pusat. Dalam pada itu.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Pengerusi, saya bangkitkan bahawa dalam Kertas Perintah 13 ini ada sebut \$7.8 juta adalah sebagai pemberian kepada Negeri Kelantan untuk menampung perbelanjaan bagi pembinaan jalan luar bandar.

Jadi, di bawah tajuk inilah yang saya kata mengapa tidak sampai ke jalan Pasir Puteh. Jadi kalau tidak sampai itu \$7-\$8 juta ini tambahlah lagi \$2-\$3 juta supaya sampai jalan itu, jadi bolehlah dibaiki jalan Pasir Puteh, maka kita bolehlah meluluskan peruntukan tambahan ini, itu pun jika sekiranya \$7-\$8 juta ini telah sampai ke jalan di Pasir Puteh yang saya sebutkan tadi. Itu maksud saya.

Dato Sabbaruddin Chik: Barangkali kena letak bawah peruntukan yang akan datanglah. Walau bagaimanapun, kalau sekiranya Kerajaan Negeri memerlukan sesebatang jalan itu ditingkatkan tarafnya Kerajaan Persekutuan boleh mempertimbangkan khususnya

apabila jalan tersebut didapati sesuai dipertingkatkan. Dan kalau sekiranya ini dibuat maka Kerajaan Pusat akan mengambil alih jalan tersebut supaya dinaikkan taraf, ertinya ditingkatkan jalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pasir Puteh juga meminta penjelasan mengenai \$2 juta di bawah Butiran 2. Sebenarnya ini satu lagi agak keliru, kalau kita baca sekali imbas kerana ditulis di sini "membaiki jalan/jambatan". Sebenarnya di bawah tajuk ini terletak wang \$2 juta yang telah diguna bagi membayar kerja-kerja peralihan saluran paip di jalan lalulintas Selat Kelang Utara. Saluran paip ini telah terbenam dan telah rosak di dalam kerja-kerja pembinaan dan penglebaran lalulintas tersebut. Maka sebab itulah terpaksa dibelanjakan sebanyak \$2 juta lagi untuk membaiki keadaan itu.

Yang Berhormat dari Kepong menyatakan tentang kesesakan lalulintas di Pulau Pinang. Saya tidak tahu sesak atau kurang lalulintas di Pulau Pinang ini kerana di luar daripada perbincangan kita pada petang ini.

Cuma kalau kita hendak gaduhkan tambahan \$8 juta, sebenarnya ini diminta untuk pembinaan underpass di Jalan Udini dan jejambat di persimpangan Jalan Masjid, Jalan Scotland, Jalan Air Itam dan penglebaran Jalan Masjid di Pulau Pinang untuk mengatasi kesesakan lalulintas di kawasan tersebut. Jadi, kalau kawasan-kawasan lain kita kurang pastilah berhubung dengan kedudukan di Pulau Pinang.

Saya rasa itu sahajalah, Tuan Pengerusi, yang saya dapat sentuh dan sekiranya ada lagi yang lain-lain yang tidak dapat. . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada lagi yang bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, yang saya maksudkan itu cuma jalan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Sebab kalau saya pergi ke Pulau Pinang jalan itulah yang saya guna dan bukan jalan yang lain. Walaupun \$8 juta ini dibelanjakan untuk membaiki jalan-jalan itu akan tetapi kesesakan itu tidak kurang. Itu maksud saya. Tetapi nampaknya hari ini Yang Berhormat itu sudah ada buat satu kerja dan persiapan yang lebih baik berbanding dengan dua hari yang lepas, ada kemajuan sedikit, jadi tidak. . . .

Tuan Pengerusi: Yang itu tidak bersangkutan-paut dengan perkara yang dibincang.

Dato Sabbaruddin Chik: Yang sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu sudah takut. Jadi, Tuan Pengerusi, soal lalulintas maklum sahajalah sebenarnya Pulau Pinang sebagai sebuah pulau jalannya tidak dapatlah dibuat besar seperti di tanah besar. Walau bagaimanapun, sekiranya tidak dibuat underpass ini barangkali kesesakannya lagi lebih, jadi ini untuk mengurangkan kesesakan. Itulah tujuan dia.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bawah wang sejumlah \$4,000,000 untuk Maksud B. 61 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$4,000,000 untuk Maksud B. 61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$310,000,040 yang disebutkan dalam

Maksud P. 61 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$310,000,040 untuk Maksud P. 61 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985.

Maksud P. 62 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985)—

Tuan Pengerusi: Kepala Pembangunan P. 62 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

5.08 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Kertas Perintah 12 muka surat 96, Kertas Perintah 13 dan Kertas Statut 29 muka 4 berjumlah \$76,780,000 dikehendaki untuk membiayai program tanam semula dan pembangunan pekebun-pekebun kecil. Apakah tempoh masa penggunaan jumlah wang ini sebelum peruntukan yang baru diperlukan. Jumlah wang ini adalah besar berbanding dengan perbelanjaan sebenarnya di antara tahun 1981 hingga 1984 dan hanya menggunakan \$38,884,600.00 sahaja. Apakah keluasan dalam hektar tanah yang terlibat dalam program tanam semula dan pembangunan pekebun-pekebun kecil dengan perbelanjaan \$76 juta ini. Berapakah bilangan pekebun-pekebun kecil yang berpeluang untuk menikmati hasil perbelanjaan jumlah wang ini. Setakat ini kerana kadar kemiskinan bagi pekebun-pekebun kecil telah meningkat, saya berharaplah dengan permintaan wang tambahan ini, keadaan untuk

pekebun-pekebun kecil dapat diperbaiki sedikit.

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang—walaupun jumlah wang \$599,000 diminta untuk setengah-tengah projek yang telah pun dilaksanakan, apakah bentuk projek infrastruktur asas yang terlibat dalam perbelanjaan ini? Sekian.

Tuan Pengerusi: Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Minta maaf, Tuan Pengerusi, Butiran yang keberapa tu?

Dr Tan Seng Giaw: P. 62.

Tuan Pengerusi: P. 62.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: P. 62—Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Tuan Pengerusi: Kepala yang kecil itu yang mana, Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Kertas Perintah 12.

Tuan Pengerusi: Projek No. berapa?

Dr Tan Seng Giaw: Iaitu Pihak Berkuasa Pekebun-pekebun Kecil, Perusahaan Getah—14 (i).

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Pengerusi, dari segi Tanaman Semula/Pemulihan iaitu K. 54 iaitu peruntukan tambahan bagi membiayai projek tanaman semula. Ini ialah kerana RISDA tidak mencukupi peruntukannya dari segi wang cess, maka terpaksa memohon kepada Kerajaan untuk mendapatkan peruntukan Kerajaan sebagai pendahuluan bagi membolehkan

menampung wang yang tidak mencukupi daripada Tabungwang Ses.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$90,079,070 yang disebutkan dalam Maksud P. 62 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1985 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$90,079,070 untuk Maksud P. 62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985.

Maksud P. 63 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala P. 63—Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Batang Lupar.

5.14 ptg.

Datuk Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Dewan ini berhubung dengan pemberian wang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membina jalan di luar bandar di bawah Kertas Perintah 12/86, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1985 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dengan peruntukan sebanyak \$7,782,000.

Di sini saya ingin tahu adakah kontraktor kaum bumiputera diberi peluang bersama-sama mengambil bahagian untuk membina jalan termasuk jalan luar bandar, memandangkan pada masa ini

terdapat banyak kontraktor-kontraktor bumiputera di seluruh negara mendapat Kelas "A" dan "B" di bidang kontraktor. Saya ingin tahu berapakah kontraktor bumiputera di seluruh negara yang telah gagal di bidang kontrak pembinaan jalan, termasuk membina jalan luar bandar dan adakah pihak yang gagal itu dinasihat supaya joint venture dengan kaum bukan bumiputera, digalakkan supaya bersama-sama mengambil bahagian untuk menjalan dan mempercepatkan perlaksanaannya dan selepas itu jalan di luar bandar akan perlu diserahkan kepada Jabatan Kerjaraya kerana saya difahamkan pihak JKR enggan mengambil alih jalan luar bandar.

Maka luar bandar, kalau pihak JKR tidak ingin mengambil alih, hanya sehingga dua, tiga tahun sahaja yang dapat dilalui oleh kenderaan. Namun demikian, saya di sini mencadangkan supaya pembangunan jalan luar bandar harus diambil alih oleh pihak JKR apabila sudah siap dikontrak oleh kaum bumiputera atau pihak swasta di masa depan, memandangkan jabatan tersebut telah mencukupi jentera-jentera untuk memperbaiki, memperluaskan parit-parit berkenaan.

Tuan Pengerusi, selain dari itu saya juga ingin tahu, kerana dalam Kertas Perintah 12 tidak ada keterangan yang jelas berapa peruntukan yang disediakan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak kecuali menyatakan pemberian pembangunan jalan ke kawasan luar bandar. Oleh sebab itu, kalau dapat, kerana Sarawak sebuah negeri dalam Malaysia yang masih jauh ketinggalan di bidang pembangunan jalan luar bandar, saya merayu kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya apabila meluluskan peruntukan untuk membina jalan luar bandar pengagihan peruntukan berkenaan kepada satu-satu negeri dalam Malaysia ini perlu disiasat dengan lebih teliti.

Tuan Pengerusi, saya bukan komplek, saya melihat di Sabah atau di Semenanjung Malaysia ini bahawa pembangunan jalan termasuk jalan di luar bandar sangat memuaskan, walaupun ada yang belum ditar dan sebagainya tetapi sudah disediakan jalan ke kampung-kampung dan kawasan-kawasan pendalaman. Oleh yang demikian saya sekali lagi merayu kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar agar dapat menyasiat dengan lebih mendalam supaya sungutan-sungutan rakyat di kawasan luar bandar dapat dikurangkan.

Kita tidak dapat menghapuskan sungutan itu. Memang masih ada golongan yang kecil yang tidak berpuas hati tetapi Kerajaan kita sentiasa mencari jalan untuk mengurangkan sungutan bagi orang yang kurang faham pemberian peruntukan itu kepada pembangunan jalan ke kawasan luar bandar perlu diambil perhatian oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan seterusnya mempertingkatkan dari masa ke semasa supaya perpaduan rakyat diselaraskan dengan rakyat luar bandar. Sekian.

Tuan Pengerusi: Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.19 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Batang Lupa yang membahaskan peruntukan tambahan yang dipohon oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Yang Berhormat telah menyentuh berkenaan pemberian pelaksanaan kerja-kerja kepada kontraktor-kontraktor bumiputera. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa kategori jalan raya yang dilaksanakan di merata-rata negeri di negara kita ini adalah banyak. Tetapi bagi Kementerian saya, menaikkan taraf jalan luar bandar adalah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan kordinasi Jabatan Pembangunan Negeri itu masing-masing. Tetapi bagi jalan yang kita panggil Jalan Pegawai Daerah, iaitu menaikkan taraf jalan-jalan kampung, terserahlah kepada Pegawai Daerah untuk melantik khususnya kontraktor-kontraktor bumiputera di kawasan itu.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan beberapa masalah berkenaan kegagalan kontraktor-kontraktor bumiputera yang saya anggap adalah tidak kena-mengena dengan Kementerian saya. Juga berkenaan jalan-jalan luar bandar yang diberikan peruntukan oleh Kementerian. Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian hanya memberikan peruntukan kepada negeri-negeri untuk menjalankan projek-projek jalan-jalan luar bandar tetapi apabila projek-projek itu telah siap, maka penyelenggaraannya (maintenance) adalah diserahkan kepada Kerajaan Negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, dalam masa-masa akan datang dan tahun-tahun yang akan datang ini Kementerian akan mengkaji masalah penyelenggaraan jalan-jalan yang diberi peruntukan oleh Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh berkenaan peruntukan yang diminta oleh Kementerian sejumlah \$7,782,000 ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan ini adalah diminta untuk peruntukan jalan luar bandar di mana sejumlah \$6,160,000 adalah digunakan bagi pembayaran kepada projek menaikkan taraf jalan Gua Musang ke Mentarah di negeri Kelantan. Jalan tersebut merupakan sebahagian dari

rangkaian jalan yang menyambung antara Kelantan dan Pahang. Rangkaian jalan tersebut terbahagi kepada dua bahagian iaitu Jalan Gua Musang ke Mentarah di Kelantan, sejauh 21.6 kilometer dengan kos projek sejumlah \$8,660,000 dan Jalan Mentarah ke Merapoh di Pahang, sejauh 6.6 kilometer dengan kos projek sejumlah \$3 juta. Kos projek bagi menyiapkan rangkaian jalan dari Gua Musang di Kelantan ke Merapoh di Pahang, sejauh 27.8 kilometer berjumlah \$11,660,000. Memandangkan sejumlah \$6,160,000 ini telah diperuntukan untuk melaksanakan jalan Gua Musang ke Mentarah di Kelantan maka baki sejumlah \$2,550,000 lagi telah diluluskan dalam tahun 1986 ini untuk menyiapkan projek tersebut.

Bagi jalan Mentarah ke Merapoh di Pahang, pembayaran sejumlah \$3 juta telah pun selesai dibuat dalam tahun 1985. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah \$1,622,000 daripada \$7,782,000 yang diminta oleh Kementerian ini sebagai peruntukan tambahan adalah digunakan untuk pembayaran akhir jalan-jalan bandar negeri Kelantan yang telah siap pembinaannya dalam tahun 1983 dan 1984.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$7,782,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 63 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1985 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$7,782,000 untuk Maksud P. 63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1985.

Tuan Pengerusi: Fasal 1 dan 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985) 1986 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,508,889,932 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1985, untuk menampung sejumlah \$1,508,889,932 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 tahun 1986 dan yang

disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang ke sebelas dan ke duabelas penyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985) telah ditimbangan dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985) dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbangan Usul yang diedarkan

kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,508,889,932 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1985, untuk menampung sejumlah \$1,508,889,932 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 tahun 1986 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang ke-sebelas dan duabelas penyata tersebut.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul yang dicadangkan itu hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,508,889,932 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1985, untuk menampung sejumlah \$1,508,889,932 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

Tambahan Kedua 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 tahun 1986 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang ke-sebelas dan duabelas nyata tersebut.

under the direct supervision of the Attorney General. To assist the Director in performing his functions, the Attorney General may also appoint persons bearing such designations as he may think fit."

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANTUAN GUAMAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.28 ptg.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memindahkan bidang kuasa dan tanggungjawab bantuan guaman di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 daripada Peguam Negara kepada Menteri Kehakiman.

Perkhidmatan bantuan guaman mula ditubuhkan pada bulan Ogos, 1970 mengikut Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat No. 39/1970 (P.U. (A) 257) yang kemudiannya dikanunkan oleh Parlimen sebagai Akta Bantuan Guaman 1971 yang mula berkuatkuasa pada 30hb April, 1971 dan ianya diletakkan di bawah tanggungjawab Peguam Negara. Ini adalah sejajar dengan kehendak perenggan 2 dalam Huraian kepada Akta yang berbunyi seperti berikut, dengan izin:

"2. The administration of the law is being carried out by the Director of Legal Aid who is appointed from amongst members of the Judicial and Legal Service who shall be

Peguam Negara pada masa itu ialah juga menjadi seorang ahli Jemaah Menteri. Dalam tahun 1980, apabila pemegang jawatan Menteri Undang-undang dan Peguam Negara meletakkan jawatannya, seorang Peguam Negara yang baru telah dilantik dan beliau tidak terdiri dari salah seorang ahli Jemaah Menteri. Walaupun terdapat perubahan, ini peruntukan-peruntukan di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 tidak dipinda dan Peguam Negara terus menjadi pegawai yang bertanggungjawab di atas perkhidmatan Bantuan Guaman. Kedudukan ini berterusan sehingga pada 17hb Julai, 1984 iaitu apabila Kerajaan telah menubuhkan semula Kementerian Kehakiman Malaysia dengan meletakkan di bawah Kementerian tersebut 4 Jabatan iaitu Jabatan-jabatan Kehakiman, Pemegang Amanah Raya, Pemegang Harta dan Perkhidmatan Bantuan Guaman.

P.U. (A) 46 bertarikh 24hb Januari, 1985 telah mengwartakan pindaan kepada Jadual kepada Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan, No. 2 tahun 1983, yang disifatkan mula berkuatkuasa pada 17hb Julai, 1984. Bersesuaian dengan keputusan ini Kerajaan pada 28hb Ogos, 1985 bersetuju untuk meminda kuasa-kuasa Peguam Negara di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 kepada Menteri Kehakiman Malaysia.

Bagi Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kehakiman, seperti mana yang disebutkan tadi, Akta-akta berkaitan seperti Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (disemak pada

1972), Akta Pemegang Amanah Raya 1950 (disemak pada 1981) dan Akta Kebangkrupan 1967, kesemuanya mengandungi perkataan "Menteri" di dalamnya. Dan oleh yang demikian dengan sendirinya terus diletakkan di bawah tanggungjawab Menteri Kehakiman seperti yang terkandung di dalam P.U. (A) 46 bertarikh 24hb Januari, 1985 itu.

Oleh itu berikutan dengan keputusan Kerajaan mengenai peralihan kuasa dan tanggungjawab di atas perkara Bantuan Guaman daripada Peguam Negara kepada Menteri Kehakiman, maka Seksyen 2 Akta Bantuan Guaman 1971 adalah perlu dipinda dengan memotong takrif bagi "Peguam Negara" dan dengan menggantikan perkataan-perkataan Peguam Negara di mana juga ianya terdapat dengan perkataan "Menteri".

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Pekan.

5.35 ptg.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud (Pekan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) iaitu bersabit dengan Akta Bantuan Guaman 1971 di mana tujuan pindaan ini ialah untuk meminda

fungsi-fungsi daripada Peguam Negara kepada Menteri, segala yang dahulunya dijalankan oleh Peguam Negara.

Dalam menyokong Rang Undang-undang ini, saya berpendapat bahawa sepatutnya pindaan ini lama dibuat untuk kepentingan rakyat yang miskin yang duduk di luar bandar, oleh kerana adalah menjadi tujuan dan hasrat Kerajaan semasa Akta ini diluluskan dahulu untuk memberi bantuan kepada mereka yang tidak mampu membayar bayaran kepada peguam-peguam. Sistem guaman kita atau legal system kita, dengan izin, adalah warisan daripada sistem Kerajaan British atau Kerajaan penjajahan di mana kita sebagai salah sebuah dari negara Commonwealth yang telah mengamalkan sistem ini mendapati bahawa sistem ini paling sesuai dijalankan kepada negara kita sepertilah negara-negara yang telah dahulu merdeka daripada kita seperti negara India dan mana-mana negara yang menjalankan ataupun mengadakan sistem British ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita mengendalikan Akta ini, kita dapati Legal Aid Bureau, dengan izin, telah ditubuhkan di merata-rata negeri terutama sekali di bandar-bandar besar. Apa yang didapati pada masa ini ialah pejabat-pejabat Biro Bantuan Guaman duduknya kadang-kadang di tingkat yang tinggi ataupun disewa kedai di tingkat 4 dan 5 yang menyusahkan orang-orang miskin, orang-orang tua, yang tidak berdaya hendak mencari tempat-tempat ini.

Saya mencadangkan bahawa pejabat-pejabat Legal Aid, dengan izin, diadakan di mana ada masyarakat yang ramai. Umpamanya kalau kita lihat di mana banyaknya doktor-doktor private, doktor-doktor swasta, mendirikan klinik-kliniknya, dia mendirikan klinik-kliniknya dekat dengan bus-stand di mana tumpuan

orang ramai ada. Di sini tujuan kita ialah untuk memberi bantuan kepada yang memerlukan. Yang memerlukan di sini ialah yang miskin, yang tidak berupaya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita harus ingat bahawa sistem yang ada sekarang ini tidak begitu menyeluruh dan diadakan di ibu-ibu negeri sahaja umpamanya di Ipoh, Kuantan, Seremban, Johor Bahru, Kangar dan sebagainya di mana terdapatnya masyarakat yang moden, masyarakat yang maju, yang berkemampuan. Apa yang diperlukan bahawa pegawai-pegawai di pejabat-pejabat ini hendaklah pergi melawat ke tiap-tiap daerah, sekurang-kurangnya seminggu sekali atau sebulan sekali untuk memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan. Kita dapati bahawa di negara kita ini apabila seseorang itu pergi ke mahkamah anggapan daripada setengah-setengah masyarakat tidak baik, oleh kerana tiap-tiap seorang telah diheret ke mahkamah bererti aib dan berbagai-bagai lagi. Apa sebabnya perkara ini berlaku ialah oleh kerana sistem nilai hidup kita ke mahkamah ini adalah bahawa yang pergi ke mahkamah, yang diheret ke mahkamah, adalah orang yang bersalah sahaja. Mereka tidak tahu bahawa mahkamah diwujudkan untuk warganegara kita pergi ke sana untuk menuntut keadilan atau mendapat keadilan. Sebab itulah dipandang serong kalau kita selalu pergi berulang-alik ke mahkamah tetapi kepada mereka yang mengetahui tujuan diadakan mahkamah ini tidaklah begitu hairan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sistem yang saya sebutkan tadi ialah sistem yang diwarisi daripada negara British dan dibawa ke mari dan didapati sistem ini baik, berjalan dengan lancar dan diterima oleh masyarakat majmuk yang berbilang kaum di negara kita ini. Tetapi apa yang saya pandang

berat pada hari ini ialah mengenai dengan sistem yang dibawa ke negara kita ini, masih lagi kita bersikap bahawa apa yang baik di negara-negara barat seperti United Kingdom, Amerika Syarikat dan sebagainya adalah baik untuk kita. Fahaman ini atau culture ini hendaklah dikikis oleh kerana sebagai contoh, kepada masyarakat barat bercium-ciuman di tengah khalayak ramai adalah tidak mengapa, tetapi di khalayak kita, ini adalah satu perkara pengaiban. Sebab itulah sistem semacam itu tidak boleh dibawa ke negara kita.

Selain daripada itu kita dapati bahawa umpamanya di negara-negara Barat apabila mereka merancang dan merangka undang-undang, senang sahaja saya ambil contoh umpamanya Undang-undang Trafik, di mana kalau kita membawa kereta Proton Saga umpamanya, kita terpaksa pakai baju, kasut dengan lengkap, bersikat rambut, kecuali yang botak, tidak payahlah, dengan begitu kita pakai lengkap, tetapi di sini kita lihat, sistem kalau kita perhatikan Traffic Ordinance ini offences tidak berbaju membawa kereta, memandu adalah menjadi kesalahan.

Kita tidak dengar pada masa ini ada orang tertangkap telah ditahan oleh pihak Polis mengapa awak tidak pakai baju. Ini adalah merupakan satu kesalahan, oleh kerana sistem ini dibawa daripada sistem orang Inggeris. Di mana di sana kalau kita pergi makan, umpamanya, pakai baju tidur dianggap sebagai satu keaiban, tidak sopan, tidak santun, tetapi kalau di rumah kita pakai kain sehelai sahaja, makan tidak menjadi hairan. Itulah nilai-nilai yang dibawa ke negara kita. Tetapi apa yang kita lihat di sini satu perkara yang menarik perhatian saya ialah mengenai dengan apa yang saya telah terbaca pagi-pagi ini dalam *The Malay Mail* mengenai dengan, saya quote, dengan izin, "Offers of free legal service to

couple", di mana 2 firma peguam di Kuala Lumpur ini telah menawarkan bantuan percuma kepada pasangan yang bercumbu-cumbuan, di salah satu taman di Ibu Kota ini, di mana didapatinya seolah-olah tidak mengapa bercumbu-cumbuan, bercium-ciومان di antara dua mempelai, kekasih.

Pandangan mereka adalah, saya quote, "Representatives of the two firms, who made the offer in separate calls to The Malay Mail, said they believe in freedom of expression and felt there is a case for the couple to fight it out in court".

Apa yang saya sentuh perkara ini ialah mengenai dengan tata-susila negara kita. Di negara kita, kita pandang bahawa perbuatan-perbuatan semacam ini adalah aib, salah daripada segi sistem kita hidup di negara kita di Malaysia ini, tetapi ada setengah-setengah peguam-peguam mengatakan ini adalah expression, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh buat apa sahaja kita suka di hadapan khalayak ramai, maka bererti kalau kita hendak menunjukkan kita ini bodi yang lawa, yang cantik maka bolehlah kita bertelanjang di khalayak ramai. Bukan itu maksudnya, saya fikir, ini mengatakan bahawa dalam sistem demokrasi ini kita boleh buat apa sahaja. Kita tidak memikirkan cara ala Malaysia, bukan ala British atau ala Amerika. Inilah yang kita dapati daripada setengah golongan cerdik-pandai kita hari ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada Legal Aid Act tadi, mengenai dengan apa yang kita dapati sekarang ini setelah Legal Aid Act ini berjalan selama 10 tahun lebih kurang di mana boleh dikatakan tiap-tiap negeri ada. Saya mengambil peluang ini mengucapkan syabas kepada Majlis Peguam atau Bar Council, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang telah menerokai

bidang ini dah 3 tahun di mana peguam-peguam ini telah memberi khidmat secara sukarela, yang tidak ramai masyarakat tahu, masyarakat hanya tahu bahawa Bar Council ini satu pertubuhan yang suka menyelar dasar-dasar Kerajaan.

Perkara ini patut diberitahu kepada orang ramai bahawa tidak semua peguam itu tidak baik, banyak juga yang baik, yang muda-muda umpamanya pada masa diadakan Legal Aid Bureau ini seperti contoh bandar Kuantan mempunyai Legal Aid Bureau yang dijalankan oleh Bar Committee of Pahang, dengan izin, di mana peguam-peguam muda mengendalikan Biro ini memberi bantuan tetapi tidak ramai daripada rakyat yang miskin datang untuk meminta bantuan daripada tempat-tempat ini oleh kerana mungkin sukar, mungkin mereka tidak mampu untuk pergi ke bandar-bandar besar. Apa yang perlu di buat, Tuan Yang di-Pertua, ialah pegawai-pegawai daripada Legal Aid Bureau Kerajaan, bukannya swasta, Tuan Yang di-Pertua, hendaklah pergi menunggu di Mahkamah-mahkamah Majistret, di mana banyak di antara warganegara kita yang miskin, yang marhaen teraniaya. Umpamanya, kalau lupa bawa topi keledar, mereka ini di bawa ke Mahkamah hendak kompaun tidak boleh, terpaksa pergi di hadapan Majistret, bertanya, ditanya, mengaku salah? mengaku salah tuan. Apa hendak kata, hendak cakap, tidak ada.

Jadi tujuan legal aid ini ialah membuat mitigation, dengan izin, banyak perkara-perkara ini berlaku di mara mereka ini yang tidak tahu hak asasi mereka sendiri boleh membela diri mengatakan saya miskin, tidak ada wang, datang ke mari pun pinjam duit kawan dan sebagainya. Tidak dibela, terpaksa, baru-baru ini termasuk salah seorang daripada yang berjumpa saya masuk jail dua hari, tidak mampu hendak bayar \$100

kerana lupa hendak bawa topi keledar. Ini adalah undang-undang yang kita buat sendiri dan kita menyiksa diri kita. Aspek-aspek inilah Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan harus memberi tumpuan. Ditempatkan pegawai-pegawai legal aid ini di mana adanya Mahkamah-mahkamah Majistret di luar-luar bandar iaitu di bandar-bandar kecil supaya mereka ini boleh memberi instant, atau dengan lain-lain perkataan, kalau kita ada Mee Segera, kita mesti ada legal aid ataupun Bantuan Guaman Segera. Panggil sahaja si Awang bin Abu, awak mengaku salah tidak, tidak bawa lesen, umpamanya. Mengaku salah, denda \$50 umpamanya, ada apa hendak kata? Ha! terus Pegawai Bantuan Guaman ini kata saya membela dia. Dia ini miskin, berbagai-bagai, O.K.lah, kali ini saya beri amaran sahaja. Yang ini kita perlu, bukan duduk di pejabat tunggu orang datang. Kadang-kadang kes tidak selesai.

Selain daripada itu, saya sukalah mencadangkan bahawa khidmat Legal Aid Bureau atau Biro Bantuan Guaman diperluaskan perkhidmatannya di kawasan-kawasan yang betul-betul memerlukannya. Dari bandar besar ke bandar-bandar kecil dan sehubung dengan ini kita harus memberitahu orang ramai bahawa adanya pejabat-pejabat Bantuan Guaman ini melalui RTM umpamanya memberitahu apakah hak-hak mereka di Mahkamah supaya mereka dapat dibela dengan sempurna. Menerusi RTM atau Radio memberi pertolongan dan kesedaran tentang hak-hak seseorang individu apabila ianya dituduh sama ada kesalahan jenayah ataupun kesalahan-kesalahan melanggar akta ataupun peraturan yang ditentukan oleh Parlimen dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman ini adalah terhadap, mereka hanya membantu sekiranya

melibatkan capital offences, bunuh dan berbagai-bagainya, mereka hanya boleh memberi bantuan secara nasihat. Apabila mereka dituduh membunuh seseorang, maka Kerajaan akan menentukan mana-mana peguam untuk membelanya. Dia tidak boleh pilih sendiri oleh kerana dia tidak ada wang.

Dalam sistem kita ini, orang yang kaya sahaja boleh pergi ke Mahkamah membela dirinya, yang miskin, yang tidak mampu, kalau hendak mati, matilah; kalau hendak mampus, mampuslah. Tidak ada pembelaan, oleh kerana sistem kita sudah begitu. Kita warisi sistem British, jadi hak ini diberi kepada yang berkemampuan sahaja. Perkara-perkara yang tidak termasuk dalam bidang Biro Bantuan Guaman ialah mengenai tanah, masalah tanah tidak boleh oleh kerana kalau ambil perkara-perkara ini, peguam-peguam kita tidak makan. Bidang insurance umpamanya ataupun bidang-bidang perumahan tidak dibenarkan. Dan saya menyeru kepada pihak yang berwajib bahawa Akta ini selain daripada kita menukar fungsi dari Peguam Negara kepada seorang Menteri bertaraf Kabinet, di mana perkara-perkara ini akan dibincangkan dari masa ke semasa. Perlu juga diadakan satu Jawatankuasa mengkaji Akta Bantuan Guaman 1971 ini kita up-date dan perluaskan ke mana-mana tempat di mana juga perlu digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah yang saya dapat memberi pandangan dan cadangan kepada Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) ini agar dengan apa yang dicadangkan tadi, Biro-biro ini akan memberi lebih kesan kepada rakyat kita yang memerlukan bantuan guaman pada hari ini. Wassalamualaikum, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Lumpur Bandar.

5.51 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka membahaskan Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dan di samping ini saya sukalah berucap secara ringkas untuk menyampaikan pandangan saya terhadap aspek bantuan guaman ini yang saya rasa adalah sangat mustahak khasnya untuk membantu golongan berpendapatan rendah ataupun golongan miskin.

Rang Undang-undang ini adalah sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri bertujuan untuk meminda Akta Bantuan Guaman Tahun 1971 bagi memindahkan kepada Menteri Kehakiman fungsi-fungsi di bawah Akta ini yang kini adalah dijalankan oleh Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa pindaan ini adalah wajar dan saya menyokong pindaan ini dan saya berharap dengan meluluskan Rang Undang-undang (Pindaan) ini akan membawa kemajuan kepada pelaksanaan Akta Bantuan Guaman dan peruntukan ataupun pemberian bantuan guaman kepada orang ramai terutama mereka yang layak menerima bantuan guaman ini.

Dalam membincangkan Rang Undang-undang ini, saya suka hendak menekankan kepada Yang Berhormat Menteri Kehakiman yang kini berkuasa untuk menjalankan fungsi-fungsi Akta ini kepentingan untuk menjadikan Biro Bantuan Guaman berkesan dalam memberi bantuan guaman kepada mereka yang memerlukan bantuan demikian. Salah satu daripada masalah besar yang dihadapi oleh Biro Bantuan Guaman yang patut diperhatikan oleh Yang

Berhormat Menteri Kehakiman ialah dari segi meningkatkan lagi keberkesananannya dan juga dari segi memperkuatkan kedudukan kakitangannya. Tidak dapat disangkal lagi bahawa Biro ini adalah menghadapi kekurangan kakitangan, khasnya pegawai-pegawai guaman untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Dan sungguhpun pada masa kini negara kita menghadapi kemelesetan ekonomi, akan tetapi saya harap bahawa ini tidak akan digunakan sebagai satu alasan untuk menolak permintaan menambahkan bilangan kakitangan untuk memastikan bahawa Biro Bantuan Guaman ini dapat menjalankan fungsi ataupun tugasnya dengan cara yang berkesan memandangkan bahawa sepertimana tadi telah disuarakan oleh Yang Berhormat yang berkenaan tentang peranan yang begitu penting yang dapat dimainkan oleh Biro Bantuan Guaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, sementara usaha-usaha sedang dibuat untuk mempertingkatkan perkhidmatan bantuan guaman kepada rakyat, khasnya golongan berpendapatan rendah dan miskin, langkah-langkah mestilah juga diambil untuk mengambil lebih ramai pegawai guaman dan Pembantu Undang-undang atau "Legal Assistant" untuk menjalankan permintaan itu dan oleh kerana dengan meluluskan Rang Undang-undang ini fungsi tentang pelaksanaan Akta Bantuan Guaman ini telah diserahkan kepada Yang Berhormat Menteri Kehakiman maka saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri dapat memerhatikan aspek peruntukan belanjawan bagi perkhidmatan Bantuan Guaman dengan tujuan untuk menambahkan peruntukan ini. Jika kita lihat peruntukan Belanjawan bagi perkhidmatan Bantuan Guaman bagi tahun 1986 ini, Kementerian ini hanya diuntukkan sebanyak \$1.5 juta sebagai Belanja Mengurus bagi tahun 1986

dengan peruntukan bagi 137 jawatan untuk diisikan. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada semua jawatan ini dapat diisi atau tidak, tetapi kalau ini belum dibuat, satu perkara yang saya dapat pastikan di sini ialah kerja-kerja Biro ini akan tergendala dan kecekapannya terjejas melainkan ataupun kecuali lebih ramai pegawai dan pembantu guaman diambil bertugas.

Mengambil kira dari bertambahnya bilangan kes yang dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman ini, tidak syak lagi bahawa Biro ini mempunyai fungsi yang penting untuk dilaksanakan. Dan apabila saya membuat sedikit penyelidikan berkait dengan beberapa kes yang telah dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman ini pada masa yang lalu, apa yang saya memerhatikan ialah misalnya pada tahun 1982 sejumlah 7,781 kes ada dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman, 9,721 kes dalam tahun 1983 dan 8,440 kes dalam tahun 1984, dan 5,138 kes dikendalikan oleh Biro sehingga bulan Ogos, 1985. Maka saya berpendapat bahawa sekiranya bilangan kakitangan dapat ditambah, saya pasti bahawa lebih banyak kes akan dapat dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman ini.

Oleh hal yang demikian, saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri Kehakiman akan meneliti masalah ini dan mengambil langkah untuk mengambil kakitangan terutama Pegawai dan Pembantu Undang-undang dan menubuhkan lebih banyak Pejabat Bantuan Guaman, bukan sahaja dalam bandar tetapi juga di luar bandar di seluruh negara untuk menjadikan Biro ini benar-benar berkesan dalam memberikan perkhidmatannya kepada orang ramai khususnya golongan yang miskin.

Satu aspek yang akhir yang saya ingin menyentuh di sini ialah untuk

menyokong apa yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, mengenai skop atau, dengan izin, coverage, skop bantuan guaman ini saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat mengkaji aspek mengenai macam mana boleh meluaskan skop Biro Bantuan Guaman ini supaya lebih banyak aspek-aspek yang memerlukan bantuan guaman ini dapat sampai kepada orang ramai. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sepang, silakan.

6.11 ptg.

Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin (Sepang): Bismillahir-rahmaanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kehakiman kerana membawa Rang Undang-undang (Pindaan) ini yang bertujuan meminda Akta Bantuan Guaman untuk memindahkan kepada Menteri yang berkenaan fungsi-fungsi di bawah Akta itu yang sekarang ini boleh atau kena dijalankan oleh Peguam Negara.

Saya juga ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kehakiman kerana telah memberikan di dalam hujahnya, semasa membawa usul, membawa hujah dan menceritakan kepada kita sejarah jawatan Peguam Negara ini yang mana sejak kita merdeka sehingga pada tahun 70an, Yang Berhormat Menteri Kehakiman telah memperingatkan kita bahawa Jawatan Peguam Negara itu dipegang oleh seorang Menteri dan seorang Ahli Kabinet, lebih khusus lagi atas jawatan Menteri Undang-undang dan Peguam Negara. Tetapi pada penghujung tahun 70an dan sehingga sekarang, jawatan Peguam Negara itu tidak lagi dipegang oleh seorang Menteri dan tidak lagi dipegang oleh seorang Ahli Kabinet.

Oleh hal yang demikian, maka terpaksa lah Rang Undang-undang meminda Akta Bantuan Guaman ini dibawa ke Dewan yang mulia ini supaya, saya fikir, ada seorang Menteri yang bertanggungjawab atas perkara Bantuan Guaman ini dan kalau kita hendak bertanya, kita hendak bersoal di dalam Dewan yang mulia ini, maka ada seorang Menteri yang boleh memberi jawapan atas soal yang berhubung kait dengan perkara bantuan guaman.

Maka atas itulah saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah memberi peluang kepada Dewan yang mulia ini hasil daripada pindaan ini, maka kita sekarang sudah boleh bertanya dan bersoal secara terus kepada Yang Berhormat Menteri Kehakiman berhubung dengan soal bantuan guaman.

Soalnya sekarang, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula dengan Peguam Negara itu? Siapakah pula yang boleh menjawab bagi pihak beliau berhubung kait dengan tugas-tugas dan fungsi Peguam Negara itu sendiri? Perkara ini amat penting dan amat, dengan izin, fundamental, kerana Peguam Negara adalah juga Pendakwa Raya dan sepertimana kita semua sedia maklum dalam Dewan yang mulia ini bahawa jawatan Peguam Negara ini ataupun Pendakwa Raya itu dari segi dakwaan ia mempunyai kuasa mutlak, kuasa budibicaranya yang tersendiri dan tidak sesiapa pun boleh menyoal dan bertanya atas cara ia menggunakan budibicaranya sebagai Pendakwa Raya di dalam mengena atau tidak mengenakan sesuatu pendakwaan kepada seseorang.

Perkara ini telah nyata timbul dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini di dalam kita membicarakan soal kes BMF dan kita bertanya mengapakah umpamanya

pesalah-pesalah yang kita fikir bersalah tidak dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan oleh Pendakwa Raya dan kita telah diberitahu di dalam Dewan ini, bahawa itu terserah kepada budibicara Pendakwa Raya kerana itu merupakan kuasa beliau yang termaktub di dalam Perlembagaan negara.

Dan ini memang benar dan tepat sekali, memang benar jawapan itu dan tepat jawapan itu bahawa Perlembagaan kita memberi kuasa yang penuh dari segi soal pendakwaan terletak kepada budibicara Pendakwa Raya. Oleh hal yang demikian, maka Dewan yang mulia ini tidak dapat menyoal kepada Pendakwa Raya atas perkara-perkara yang ada hubung kait dengan pendakwaan sama ada mengapakah sesuatu pendakwaan itu tidak dibuat atau mengapa dibuat dan sebagainya, kerana Pendakwa Raya itu adalah Peguam Negara dan Peguam Negara bukan seorang Menteri Kabinet.

Dan dengan yang demikian, tindak tanduk dan tindakan Pendakwa Raya dan Peguam Negara tidak dapat disoal secara khusus, secara terus terang di dalam Dewan yang mulia ini. Maka ini merupakan, pada pendapat saya, suatu kelemahan, tetapi bukanlah disengajakan kerana ini sejarah, sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman sebentar tadi. Sejarah yang mana sejak kita merdeka, jawatan itu dipegang oleh seorang Menteri penuh, ia juga Menteri Undang-undang, ia juga Peguam Negara dan secara serentak ia juga Pendakwa Raya. Maka Pendakwa Raya itu boleh disoal di Dewan yang mulia ini di atas soal-soal pendakwaan, tetapi oleh kerana sejarah juga, entah macam mana, sepertimana yang telah pun dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman tadi, maka jawatan Pendakwa Raya ataupun jawatan Peguam Negara itu tidak lagi

dipegang oleh seorang Menteri maka timbullah sekarang suatu, dengan izin, lacuna, suatu ruang yang kosong, suatu keadaan yang saya fikir kurang baik, kurang rasional dan eloklah kita perbaiki keadaan itu dengan seberapa cepat yang boleh supaya jawatan Peguam Negara ataupun jawatan Pendakwa Raya itu dipegang oleh seorang Menteri Kabinet. Dan dengan hal yang demikian, perkara itu akan dapat diatasi.

Saya menganggap pindaan Akta Bantuan Guaman ini di mana berkaitan "Peguam Negara" itu telah dipinda kepada "Menteri", saya anggap ini sebagai suatu tindakan permulaan, suatu tindakan permulaan ke arah mengangkat jawatan Peguam Negara, mengangkat jawatan Pendakwa Raya sebagai jawatan Menteri penuh. Dan saya harap Yang Berhormat Menteri Kehakiman boleh menjawat jawatan Peguam Negara dan juga Pendakwa Raya ataupun Peguam Negara yang ada sekarang ini diangkat beliau menjadi seorang Ahli Kabinet supaya kita di Dewan yang mulia ini dapat bertanya dan bersoal dan beliau boleh menjawab kepada Dewan yang mulia ini. Kalau salah satu daripada dua perkara ini tidak berlaku, iaitu kalau Peguam Negara tidak menjadi ahli Kabinet ataupun Yang Berhormat Menteri Kehakiman tidak menjadi Peguam Negara, maka selama itulah Dewan Rakyat yang mulia ini tidak dapat bertanya, tidak dapat bersoal dan sesuatu jawatan yang terpenting di dalam negara ini tidak accountable, dengan izin, kepada Dewan Rakyat.

Saya memohon sangat supaya perkara ini dapat diambil tindakan dengan seberapa cepat yang boleh supaya perkara ini dapat diatasi. Walau bagaimanapun sepertimana yang telah saya nyatakan tadi, Akta Bantuan Guaman (Pindaan) ini, di mana soal bantuan guaman telah diserahkan kepada seorang Menteri—

sekarang ini kepada Yang Berhormat Menteri Kehakiman—adalah suatu tindakan yang paling wajar dan paling kena pada tempatnya. Saya akan menunggu-nunggu dengan penuh khusyuk satu tarikh di mana seorang Menteri penuh akan bertanggungjawab atas jawatan Peguam Negara ataupun Pendakwa Raya.

Saya menyokong pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.11 ptg.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang sudi mengambil kesempatan dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pekan telah menyebut mengenai dengan Pejabat-pejabat Biro Bantuan Guaman (B.B.G.), yang mana kata beliau dengan secara sepintas lalu sahaja patut diadakan di pekan-pekan yang kecil dan bukan di bandar-bandar sahaja dan di tingkat-tingkat bangunan yang tinggi. Kalau boleh saya ambil sekaligus pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang juga telah menghuraikan pendapat seperti ini, jadi untuk menjawab kedua-duanya mengenai dengan aspek ini, sebenarnya kita memang mempunyai tujuan untuk membina ataupun mengadakan banyak lagi pejabat-pejabat di tiap-tiap negeri di negara kita ini.

Pada ketika ini Biro Bantuan Guaman mempunyai pejabat di tiap-tiap ibu negeri misal kata di Ipoh, di Alor Setar, di Kuching, di Kota Kinabalu dan sebagainya. Tetapi selain daripada itu, kita juga mempunyai satu dua atau tiga pejabat di pekan-pekan yang besar seperti di

Taiping di negeri Perak dan di Muar di negeri Johor. Ada banyak lagi permohonan meminta pejabat-pejabat B.B.G. di lain-lain negeri termasuk juga di Sarawak dan di Sabah, dan kita hanya tergendala dalam usaha kita mendirikan atau mengadakan pejabat-pejabat yang lebih banyak kerana peruntukan kewangan. Semenjak Kementerian Kehakiman ini dipulih semula pada Julai, 1984, Biro ini telah pun ditempatkan di bawah Kementerian ini, dan semenjak itu juga kita telah cuba sedaya upaya untuk meminta peruntukan supaya kita dapat membuka pejabat-pejabat di pekan-pekan yang memerlukan bantuan guaman ini.

Ahli dari Kuala Lumpur Bandar mengatakan tadi janganlah pula tidak ada kewangan menjadi alasan untuk tidak mengadakan pejabat-pejabat di lain-lain pekan. Tetapi alasan atau bukan alasan sebenarnya inilah sebabnya, kita tidak dapat mengadakan pejabat-pejabat tambahan di pekan-pekan besar dan pekan-pekan kecil, kerana kita bertalu-talu meminta peruntukan pun kalau belum dapat ditunaikan oleh Perbendaharaan kerana kesuntukan kewangan pada ketika ini, maka begitulah keadaannya, begitulah hakikat yang sebenarnya. Kita hanya mengharap supaya Kerajaan akan dapat menampung permohonan itu satu demi satu ataupun lima sekaligus, 10 sekaligus di masa akan datang supaya kita dapat mengadakan dan menyewa ruang. Kalau pun kita tidak mampu mendirikan bangunan Biro Bantuan Guaman yang beralih atau berasingan, kita boleh menyewa ruang pejabat untuk mengadakan cawangan-cawangan yang baru lagi.

Saya sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, ingin mengadakan pejabat-pejabat yang lebih banyak lagi, tetapi peruntukan kita setakat ini sehingga pada saat ini tidak mengizinkan. Di

bawah Rancangan Malaysia Kelima, kita telah meminta peruntukan yang lebih banyak supaya mudah-mudahan usaha yang cemerlang oleh B.B.G. ini dapat diperluaskan lagi di seluruh negara.

Saya berterima kasih kepada Ahli dari Kuala Lumpur Bandar kerana menyebut angka-angka peruntukan yang telah diluluskan dan membandingkannya dengan kakitangan dan tugas-tugas yang ada. Beliau menunjukkan bahawa sebenarnya dengan begitu banyak sahajalah peruntukan iaitu \$1.5 juta untuk tahun ini bagi jawatan bilangannya 137 dan banyak lagi butir-butir yang lain kalau dihuraikan betul, memang tidak mengizinkan B.B.G. ini menjalankan tugas-tugasnya dengan prestasi yang baik. Tetapi kita mengharapkan yang Biro Bantuan Guaman (B.B.G.) ini dapat meneruskan tugas-tugasnya dengan lebih luas lagi. Oleh yang demikian, Kementerian Kehakiman telah mengkaji untuk menambah lagi cawangan-cawangan pejabat B.B.G. di daerah-daerah.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini sukalah saya mengatakan bahawa semenjak Biro ini ditubuhkan dalam tahun 1970, ia telah dapat mengendalikan kes-kes yang telah datang untuk meminta bantuan—daripada 150 kes sahaja dalam tahun 1970 kepada apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi iaitu:

<i>Tahun</i>	<i>Kes</i>
1982	7,781
1983	9,721
1984	8,440

Dari jumlah kes ini yang telah diterima dan didaftarkan, lebih kurang 70% telah dikendalikan oleh Biro ini ataupun 64,890 kes yang kalau ditambah lagi dengan angka bagi tahun 1985, saya pasti bahawa ini akan

naik kepada 65,000. Jadi kalau ditinjau daripada itu maka ternyatalah rakyat yang kurang pendapatan ataupun miskin memang memerlukan perkhidmatan Biro Bantuan Guaman ini, dan oleh sebab itu kita akan meneruskan usaha-usaha membantu golongan masyarakat kita yang memerlukan perkhidmatan B.B.G. ini.

Mengenai dengan penyebaran maklumat mengenai Biro ini, sebenarnya ini telah kita buat. Dan sekurang-kurangnya semenjak Kementerian Kehakiman ditubuhkan pada satu setengah tahun dahulu kita telah memberi arahan kepada Ibu Pejabat Biro Bantuan Guaman dan juga pejabat-pejabat di negeri-negeri supaya menyebarkan seberapa luasnya akan adanya Biro ini untuk memberi khidmat kepada golongan-golongan masyarakat kita yang memerlukan perkhidmatan guaman.

Kita juga telah berhubung dengan pihak, misal kata TV dan Radio dan saya telah memberi arahan kepada Pengarah untuk memberi ceramah, misal kata dalam rancangan "Hal Ehwal Semasa" dan sebagainya supaya rakyat lebih lagi dapat peluang mengetahui perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Biro Bantuan Guaman. Kita telah mengeluarkan berpuluh-puluh ribu risalah untuk disebarkan ke Pejabat-pejabat Daerah supaya perkhidmatan-perkhidmatan Biro Bantuan Guaman ini sekali lagi diketahui oleh rakyat terutama sekali di peringkat pekan-pekan kecil, kampung, desa dan sebagainya. Ini telah dibuat.

Pegawai-pegawai di dalam Biro Bantuan Guaman ini yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pekan, beliau menambah bahawa sepatutnya pegawai-pegawai ini pergi ke Mahkamah Magistret untuk membela yang dituduh. Seberapa bolehnya, Tuan Yang di-Pertua, kita

tempatkan Pejabat Biro Bantuan Guaman di bawah satu bumbung bersama-sama dengan Mahkamah Magistret di seluruh negara supaya dia juga dapat bersama-sama memberi perkhidmatan dan di mana Mahkamah Magistret itu berasingan tempatnya daripada Pejabat Biro Bantuan Guaman ini, perhubungan di antara dua jabatan atau pejabat ini adalah begitu rapat.

Saya mengakui bahawa bidang kuasa Biro Bantuan Guaman agak kurang pada masa ini. Saya juga akan meninjau bersama-sama dengan Hakim Besar Malaya untuk berbincang dengan Ketua Hakim Negara nanti sama ada perlu diperluaskan bidang. Akan tetapi ini boleh dibuat dan sekiranya perlu kita akan tambah lagi bidang kuasa atau mempertingkatkan lagi bidang kuasa Biro Bantuan Guaman ini. Salah satu daripada sebab-sebab mengapa kita tidak dapat mengadakan pejabat yang banyak ialah bahawa kakitangan adalah kurang. Pada masa ini Biro mempunyai 16 jawatan Pegawai Undang-undang sahaja dan 20 jawatan Pembantu Undang-undang. Daripada jumlah 16 jawatan ini terdapat 5 kekosongan dan daripada 20 itu ada 2 kekosongan.

Walau bagaimanapun, pada ketika ini Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk mengisi kekosongan-kekosongan ini dan telah pun mengiklankannya bagi mendapatkan calon-calon yang berkelayakan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sepang yang mana hampir tiap-tiap tahun beliau memberi sumbangan beliau kepada perkara Kementerian Kehakiman. Soal mengenai Peguam Negara yang dahulunya hampir sepanjang masa adalah juga seorang Menteri dan Ahli Kabinet. Pada ketika ini kalau soal bagaimana pula dengan Peguam Negara yang juga

Pendakwa Raya apabila sekarang beliau berasingan daripada tugas-tugas Menteri Kehakiman.

Pada tahun yang lalu dalam konteks yang hampir sama, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan bahawa Peguam Negara yang juga Pendakwa Raya adalah bertanggung-jawab secara langsung kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebagai Menteri di mana beliau harus berhubung. Misal kata kalau beliau mengeluarkan satu waran untuk menangkap seseorang itu beliau memanglah berhubung dengan Yang Amat Berhormat terlebih dahulu mengenai perkara itu.

Saya tahu kerunsingan Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Sepang bangun, hendak beri jalan?

Datuk Dr James P. Ongkili: Boleh.

Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Terima kasih. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa dari segi pendakwaan Pendakwa Raya tidak bertanggung-jawab kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana di bawah Perlembagaan beliau tidak bertanggungjawab kepada sesiapa kecuali beliau sendiri. Malah Pendakwa Raya dari segi teorinya boleh mendakwa Perdana Menteri.

Datuk Dr James P. Ongkili: Ya, saya tahu seperti yang saya katakan

tadi tentang kerungsingan Ahli Yang Berhormat dari Sepang mengenai perkara ini. Saya mengambil ingat atas perkara ini dan kita akan bawa perkara ini kepada peringkat yang berkenaan untuk kita bincang selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa di situ sahaja yang boleh saya rumuskan dengan seberapa cepatnya iaitu nampaknya kebanyakan pendapat ialah bahawa Biro Bantuan Guaman ini mempunyai peranan yang tertentu dan harus diperbesarkan di negara kita terutama sekali di peringkat pekan-pekan besar dan pekan-pekan kecil dan ini saya telah jawab dan kedua, mengenai kakitangan itu kita hanya tersekat disebabkan peruntukan belum kita dapati. Mudah-mudahan kita akan mendapat peruntukan yang lebih banyak lagi untuk melaksanakan rancangan-rancangan yang mana telah disediakan oleh Kementerian dan Biro Bantuan Guaman ini supaya perkhidmatan Biro yang baik itu dapat diperluaskan lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 7hb April, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.